Karya Sumbangsih kepada

YANG BERBAHAGIA

DATU DR. HAJI SANIB HAJI SAID

DASTAR PATINGGI

Kumpulan Artikel bersempena dengan memperingati Ulang Tahun

AMANAH KHAIRAT YAYASAN BUDAYA MELAYU SARAWAK

Editor

Arba'iyah Mohd Noor

Azuan Jemat

DASTAR PATINGGI

Karya Sumbangsih kepada

YANG BERBAHAGIA
DATU DR. HAJI SANIB HAJI SAID

Kumpulan Artikel bersempena dengan
memperingati Ulang Tahun

AMANAH KHAIRAT YAYASAN
BUDAYA MELAYU SARAWAK

Edisi Pertama
Cetakan Pertama 2023
Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak 2023

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengurus Besar,Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak.

Ketua Editor:
Dr. Arba'iyah Mohd Nor

Editor :
Azuan Bin Jemat

Pereka bentuk kulit buku, reka letak teks dan editing gambar oleh Jeffry Eddy

Diterbitkan oleh
Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak
Rumah Laksamana, Jalan Rodway
93000 Kuching, Sarawak
Tel: 082-239460 / 461
Faks: 082-255731
Emel: akybms@gmail.com
FB: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak
Laman Web: www.melayusarawak.org.my

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-983-44246-7-1

Dicetak oleh
InfoGrafik Press Sdn Bhd
Lot 201, No.265, Section 50, Jalan Nipah
Off Jalan Abell Utara
93100 Kuching, Sarawak

KANDUNGAN

Prakata i

Pendahuluan iii

Biodata Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said xxi

Perjuangan Anti Serahan dan Kemerdekaan Pergerakan Pemuda Melayu Sibu (PPMS) di Sarawak, 1946-1949 ***1***
Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali

Social Structure and Behavioural Pattern of Proboscis Monkey (Nasalis Lavartus) in Sarawak, Malaysia ***91***
Profesor Dr. Mohd Tajudin Abdullah, Mohammad Kohdi, Faisal Anuarali Khan

Mahkota Diraja Brunei: Yang Tersurat dan Tersirat ***109***
Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol Bin Haji Mail

Penyakit dalam Konteks Teks dan Konteks di Borneo-Kalimantan ***133***
Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi dan Nasrullah Mappatang

Populariti Gps: Perspektif Data, Pola Pengundi Dan Persepsi Rakyat ***155***
Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi, Dr. Suffian Mansor, Novel Anak Lyndon, Lucy Sebli, Juna Liau, Stanley Bye Kadam dan Dick Lembang Anak Dugun

Selayang Pandang Beberapa Manuskrip Melayu Sarawak Terpilih ***177***
Profesor Madya Dr. Arba'iyah binti Mohd Noor dan Azuan bin Jemat

Pensejarahan Melayu SeNusantara: Paparan Perebutan Takhta Kesultanan Matan (Kalimantan), Awal Abad ke-18 ***197***
Dr. Mardiana binti Nordin

Menelusuri Sejarah Gerakan Komunis di Sarawak sebelum dan selepas Merdeka ***227***
Dr. Ho Hui Ling

Penglibatan Syarikat Barat Dalam Aktiviti Perlombongan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu Sebelum Perang Dunia Kedua ***269***
Dr. Suffian Mansor dan Meor Ahmad Irshad bin Meor Ahmad Hisham

Pemberontakan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) Di Brunei, Sarawak Dan Sabah Dan Implikasinya Ke Atas Hubungan Dengan Indonesia ***295***
Dr. Habid's Buhigiba bin Mohamad Bustamam

Wabak Pemurtadan Bahasa dan Wasilah Pemerdekaan Jiwa Bangsa: Arus Sejarah, Aliran Semasa dan Arah Masa Depan ***319***
Dr. Nordi Achie

Perbandingan Ciri Fonologi dan Kata Leksikal Keluarga Bahasa Hilir Baram ***345***
Prof. Madya Dr. Norazuna Norahim

Hubungan kekeluargaan antara Bahasa Melayu dan Dialek Melayu Kabong bukti Fonologi ***369***
Dr. Salbia binti Hassan

Analisi Linguistik dan Pilihan Bahasa Vaie, Bintulu ***393***
Dr. Santrol Abdullah

Melestarikan Sejarah Lisan: Kajian SK Pulo di Kampung Semarang ***447***
Prof. Madya Dr. Awang Rozaimie bin Awang Shuib

Usahawan India Muslim Di Sarawak: Retrospektif Sejarah Kontemporari (Ekonomi) ***483***
Prof. Madya Dr. Jati Kesuma

Fungsi Pegawai Anak Negeri dalam Interaksi Kuasa dan Pengetahuan di Era Pemerintahan Brooke: Satu Tinjauan Awal ***507***
Dr. Sharifah Sophia binti Wan Ahmad dan
Dayang Hajyrayati A. Kassim

Rumah Tradisional Melayu Sarawak: Seni Bina dan Ruang bercirikan Pengaruh Islam ***531***
Dr. Adibah binti Yusuf

Suatu Ketika di Lembah Sadong: Interpretasi Pensejarahan Awal Sadong ***555***
Encik Abang Ibrahim bin Abang Ali dan
Cik Dayang Fatin Amira Abang Ibrahim

Pensejarahan Dastar Raja Negeri-Negeri Melayu Awal (Dastar Sarawak) berdasarkan Catatan Manuskrip di Sarawak: Satu Tinjauan Awal Paparan Dastar pada Awal Abad ke-16 ***575***
Encik Azuan bin Jemat

PRAKATA

DASTAR PATINGGI, Karya Sumbangsih kepada Yang Berbahagia Datu Dr.Haji Sanib Haji Said, Kumpulan Artikel bersempena dengan memperingati Ulang Tahun Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, naskhah julung kali diterbitkan berupa naskhah penulisan ilmiah khususnya ilmu pengetahuan dari negeri Sarawak.

DASTAR PATINGGI merupakan terbitan ilmiah pada tahun 2023 akhirnya dapat direalisasikan semasa sambutan Jubli Mutiara 30 tahun (1993 - 2023) penubuhan Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak (AKYBMS) yang pada suatu ketika dahulu dikenali dengan nama Yayasan Budaya Melayu Sarawak (YBMS). Buku ini mengandungi beberapa artikel-artikel yang memaparkan tentang khazanah warisan ilmuwan tentang Melayu Sarawak. Kupasan artikel-artikel ini menjurus kepada pemaparan tentang bidang ilmu seperti Sejarah, Antropologi, Etnografi, Arkeologi, Sains Sosial dan Politik, Seni Gunaan dan Kreatif, Georgrafi, Kebudayaan dan Kesusasteraan, Pengajian Bahasa dan Linguistik dan pelbagai lagi bidang yang melibatkan dunia Melayu seanteronya.

Sehubungan dengan itu, penyelidikan dan kajian ilmiah yang berkaitan dengan dunia Melayu khususnya Melayu Sarawak yang harus dimartabatkan secara akademik. Pemilihan nama DASTAR PATINGGI adalah berdasarkan penemuan "*Dastar"* asal di Sarawak yang dinamai Dastar Sarinding Awang Raja Abang Gudam seperti mana yang tercatat dalam naskhah manuskrip jawi yang bertajuk, Syair Tarsilah Ceretera Temenggung Kadir dengan Abang Gudam Negeri Saribas. Penemuan dastar ini membuktikan wujudnya sejarah awal Melayu di Sarawak iaitu Negeri Saribas yang diperintah oleh Temenggong Pangeran Abdul Kadir yang kemudian diteruskan Abang Gudam sebagai raja yang memerintah.

Kesemua artikel ini merupakan hasil kajian tokoh-tokoh akademik serta sarjana tempatan dan luar negara tentang keilmuan Melayu Sarawak

khususnya. Aspek ini sangat penting dalam memaparkan ketamadun Melayu Mahawangsa yang bukan sahaja di tanah Melayu malahan untuk Melayu Sarawak di kepulauan Borneo. Selain itu, penerbitan buku ini diinspirasikan dalam mengiktiraf keilmuwan dan cendiakawan serta sejarawan Yang Berbahagian Datu Dr. Haji Sanib Bin Haji Said yang telah mencurah keabadian dan kebaktian kepada Sarawak Ibu pertiwiku.

Dikesempatan ini, sekalung tahniah diucapkan kepada kumpulan sidang redaksi Bahagian Kebudayaan dan Penyelidikan AKYBMS atas usaha yang jitu dan manpan dalam merealisasikan penerbitan Buku DASTAR PATINGGI ini lebih-lebih lagi sebagai julung pertama kali untuk keluaran buku penerbitan ilmiah. Terima kasih juga diucapkan kepada penulis-penulis yang telah menyumbangkan artikel dalam DASTAR PATINGGI bagi keluaran pertama dan julung kali penerbitan dalam tahun 2023.

Doa dan harapan semoga hasil penulisan dan kajian yang telah dimuatkan ini dapat memberikan ilmu pengetahuan yang berguna kepada para pembaca khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dan seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, Terima Kasih.

PENDAHULUAN

Buku DASTAR PATINGGI di tujukan khas kepada Yang Barbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said serta bersempena dengan memperingati ulang tahun Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak (AKYBMS) yang menyambut sambutan Jubli Mutiara pada tahun 1993 sehingga 2023. Besar harapan ini digulungan dan dijunjung setingginya oleh Bahagian Kebudayaan dan Penyelidikan AKYBMS bersama rakan seperjuangan dan akademik sebagai tanda menghargai sumbangan intelektual dan kepimpinan yang telah diberikan dalam memartabatakan keilmuan serta perjungan membela bangsa Melayu di Sarawak. Keabdian beliau dalam berbakti turut dicurahkan kepada negeri Sarawak dan negara Malaysia untuk tempoh selagi hayat dikandung badan. Ketokohan, Kepimpinan dan Cendiakawan beliau sememangnya telah diakui oleh ilmuwan dan sarjana tempatan dan luar negara. Perjuangan dalam membela bangsa Melayu sememangan dirasai dalam sanubari hati anak bangsa khususnya Melayu Sarawak. Kesemua ini dibuktikan, beliau sentiasa menjadi pakar rujuk utama dalam hal yang berkaitan dengan sejarah Sarawak, khasnya isu-isu yang berkaitan dengan sejarah negeri-negeri Melayu awal di Sarawak serta kajian politik di Sarawak dari tahun 1946 – 1963. Bertepatanlah, khidmat bakti yang ditumpahkan oleh beliau ini akan terus menjadi catatan abadi yang dikenang merentas zaman dan masa.

Diperingkat Akademik di Malaysia, usaha murni untuk memberi pentauliahan dan penghormatan kepada tokoh akademik dalam bentuk penerbitan buku untuk mengiktiraf martabat keilmuwan tokoh tersebut telah menjadi satu amalan tradisi. Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu yang menjunjung ketinggian adab dan kesopanan turut berusaha amalan mengiktiraf tokoh akademik, pejuang bangsa agar terus dikenang dan diingat sepanjang zaman. Pengiktirafan yang diberikan oleh para sarjana dalam dan luar negeri terhadap keintelektualan dan kepimpinan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said berjaya memartabatkan disiplin sejarah khususnya sejarah negeri Sarawak yang diangkat setinggi

mungkin seantero dunia. Usaha dan peranan yang digembeleng beliau mendapat pengiktirafan tertinggi oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang mentauliahkan gelar pangkat "Datu" yang dikurniakan kepada beliau. Langkah pelaksanaan menerbitkan buku seumpama ini yang disifatkan pertama kali dilakukkan oleh Amanah Khaiarat Yayasan Budaya Melayu Sarawak. Diharapkan penerbitan seumpama ini juga dapat menjadi tradisi amalan yang berterusan pada masa akan datang.

Bahagian Kebudayaan dan Penyelidikan AKYBMS yang kini diketuai oleh Azuan Jemat akan terus berusaha dengan gigih merancang dan menambahkan penerbitan buku khas menjadi wadah wacana ilmu khususnya ilmu pengetahuan berkaitan dengan Melayu Sarawak selaras dengan Pelan Strategik AKYBMS 2015 – 2035 dalam teras Agama dan Budaya iaitu dalam usaha memperteguh identiti Melayu Sarawak. Sekalung Penghargaan dan ucapan terima kasih dihalakan kepada pimpinan tertinggi AKYBMS, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan, Timbalan Premier Sarawak, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Kedua merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah AKYBMS dan Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Wahab bin Aziz, Ahli Lembaga Pemegang Amanah AKYBMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Budaya dan Kesenian serta Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib bin Haji Said, Pengurus Besar AKYBMS, yang menyokong penuh segala usaha pelaksanaan program penerbitan dan penyelidikan yang berimpak tinggi oleh Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak.

Penulis karya sumbangsih yang terdiri dalam kalangan para penyumbang bab dalam buku ini merupakan rakan akademik, anak didik, sarjana tempatan dan luar negara serta rakan seperjuangan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said. Mereka merupakan tenaga akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam atau penjawat awam yang sedang berkhidmat mahupun yang telah bersara serta penulis bebas yang berkarya. Bab-bab yang ditulis ini merupakan penulisan ilmiah yang telah bermula hasil dari penyelidikan yang dilakukan dalam kalangan mereka yang sememangnya telah terkenal dengan bidang ilmu kepakaran masing-

masing. Manakala terdapat juga bab yang ditulis oleh rakan seperjuangan dan anak didik Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said sebagai interprestasi pelapis generasi seterusnya yang menyambung keilmuwan dan bidang sejarah Negeri Sarawak pada masa kini dan akan datang. Walaupun tidak ramai ahli sejarawan Sarawak, dengan jumlah yang terbatas namun hadrinya amat dirasai kepentingannya dengan memadai impak yang besar dari segi kualitatif menjadi watas menentukan kualitas.

Rangka pelaksanaan buku ini telah bermula pada bulan jun 2022 dengan melaksanakan penyelidikan penglibatan penulis sasaran yang akan diundang untuk karya sumbangsih. Penyelidikan ini juga merangkumi pemilihan nama buku ini agar membawa pengertian yang amat bermakna disebalik nama yang ditaruh. Pemilihan tajuk buku Dastar Patinggi harus diberi penjelasan falsafah yang tersirat. Dastar ini merujuk kepada perhiasan ikatan alas kepala tradisional Melayu yang dipakai oleh golongan lelaki. Jelaslah kata *"Dastar"* yang digunakan di sini merujuk kepada ilmu yang sentiasa di atas dijunjung tinggi dan dimuliakan dengan ketinggian darjat. Bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Mujadalah ayat 11 yang berbunyi, *"Allah S.W.T meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat".* Keilmuan yang dimiliki oleh seseorang diperolehi dengan dedikasi diri yang tinggi dalam mencari ilmu pengetahuan sehingga boleh dimanfaatkan kepada bangsa, agama dan tanah air.

Manakala imej halaman kulit buku ini diwakili sepersalinan *Dastar Serinding Awan Raja Abang Gudam* mewakili susuk seorang insan bernama lelaki, dimana dibelakangnya terdapat mahkota *Gajah Oleng* yang mewakili seorang bidadari yang membawa gambaran visual falsafah disebalik kehebatan dan kejayaan seorang lelaki terdapat wanita hebat yang mendampingi sisi hidupnya. Kasih dan cintanya suami kepada isterinya, seorang anak kepada ibunya, ungkapan inilah yang sewajarnya tepat melambangkan aspirasi kecintaan abadi terpancar dalam imej halaman kulit buku Dastar Patinggi ini.

Pemilihan nama *DASTAR PATINGGI* adalah berdasarkan penemuan

Dastar asal di Sarawak yang dinamai *Dastar Sarinding Awang Raja Abang Gudam* seperti mana yang tercatat dalam naskhah manuskrip jawi yang bertajuk, *Syair Tarsilah Ceretera Temenggung Kadir dengan Abang Gudam Negeri Saribas* Manakala kata *"Patinggi"* merupakan gelar pembesar Melayu di Negeri Melayu Awal di Sarawak. Patinggi memperlihatkan ketinggian sahsiah, ilmu, kepimpinan dan hierarki dalam kalangan rakyat jelata. Patinggi diwarisi dari tinggalan kerajaan awal yang bersifat purba di Sarawak antaranya legitimasi Kerajaan Melayu Santubong serta diiktiraf jawatan Datu Patinggi di zaman Sultan Tengah sultan pertama dan terakhir Sarawak pada abad ke-16 yang mengabsahkan gelar pangkat para datu-datu di Sarawak. Jika dipadankan dengan autobiografi Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said, maka ungkapan Dastar Patinggi amat betepatan dan sesuai digunakan sebagai nama judul buku ini.

Penerbitan buku ini amat keterbatasan waktu yang dihimpit dengan keadaan semasa yang masih bergelumang wabah convid yang menjadi cabaran utama. Penerbitan buku ini mengambil masa yang amat terhad iaitu sekitar 8 bulan masa untuk penulisan dan jumlah keseluruhan memakan masa 10 bulan untuk diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan menerbitkan buku ini adalah miliki semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dan paling bermakna, ilmu yang terkandung didalam untuk tatapan pembaca dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. *"Tidak puan kelapa bali, Harap-harap kepada tuan, Tidak tuan siapa lagi"* gambaran kata atas bertepatan dengan usaha-usaha hebat dan luar biasa yang dicurahkan oleh para penulis karya sumbangsih ini. Faktor geografi (seberang *Laut China Selatan*), Komunikasi, masa menulis, kerja-kerja penyuntingan dan penerbitan adalah aspek yang dititik beratkan bagi menghasilkan satu hamparan ilmu yang dihimpunkan menjadi satu himpunan tulisan para sarjana tempatan yang manpan dan berkualiti dihidangkan dalam naskhah untuk santapan para pembaca yang minat dan cinta akan ilmu pengetahuan khsusus ilmu sejarah.

Keseluruhannya, naskhah ini mengandungi 21 bab atau artikel dengan jumlah halaman 550 muka surat. Ruang cakupan perbincangan

yang dikupas dalam buku ini amat luas menjangkau termasuk dunia alam Melayu amnya serta berkaitan Negeri Sarawak. Antara tema utama yang dibahaskan dalam buku ini ialah, Sejarah, ekonomi, Pentadbiran, Politik, Keselamatan, Kebudayaan, manuskrip Melayu, Kesusasteraan dan Pengajian Bahasa serta Linguistik. Penulisan bab-bab dalam buku ini adalah berdasarkan kepada kajian dan penyelidikan para penulis mengikut kepakaran bidang masing-masing. Tanpa disengajakan, keseluruhan artikel yang dimuatkan dalam buku ini adalah ilmu pengetahuan yang berkisarkan dan terdapat di Negeri Sarawak yang amat jarang dan hampir tiada serta belum terdapat dalam mana-mana penerbitan lagi. Inilah aspek yang diangkat martabatnya menjadi kekuatan Buku Dastar Patinggi yang harus menjadi bacaan utama kepada bangsa Melayu Sarawak dan seluruh rakyat yang pelbagai etnik di Sarawak. Menerusi bab-bab yang dimuatkan dalam kandungan buku ini, para pembaca akan memperolehi maklumat dan pengetahuan yang berkaitan Negeri Sarawak yang ditulis mengikut kepakaran bidang masing-masing.

Artikel pertama telah ditulis oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria yang membincangkan sejarah Anti Serahan di Sarawak yang sangat terkenal dengan kisah perjuangan Rosli Dhoby. Pemaparan yang dibuat oleh beliau banyak menyentuh sumber-sumber baharu dalam meperihalkan kisah sejarah Anti Serahan terutama surat-surat rampasan British di Sarawak pada tahun 1946. Surat rampasan tersebut dilakukan oleh British sejurus peristiwa berdarah, assasinasi gabenor British di Sarawak iaitu Sir Duncan Steward. Selain itu, perjuangan Anti Serahan turut dikupas dan diamati dari perspektif sejarah yang juga menyentuh isu kemerdekaan. Perbincangan ini sekaligus mengisi kelompangan kisah sejarah Anti Serahan dan kemerdekaan yang dilaksanakan oleh Pergerakan Pemuda Sibu (PPMS) di Sarawak pada tahun 1946 sehingga 1949. Pergerakan Pemuda Sibu (PPMS) merupakan sebuah pertubuhan Melayu di Sibu yang memainkan peranan penting dalam membela nasib orang Melayu Sarawak yang menuntut kemerdekaan semasa peristiwa Anti Serahan Meletus di Sarawak. Maka relevan lah penulisan beliau yang

bertepatan dengan judul iaitu *Perjuang Anti Serahan dan Kemerdekaan Pergerakan Pemuda Melayu Sibu (PPMS) di Sarawak, 1946 – 1949*.

Artikel yang kedua adalah *bertajuk Social Structure and Behavioural Pattern of Proboscis Monkey (Nasalis Lavartus) in Sarawak, Malaysia,* telah ditulis pasukan penyelidik yang terdiri daripada Prof. Tajudding Abdullah, Dr. Faisal Anuarali Khan dan Mohammad Kohdi. Kajian ini telah dilaksanakan oleh kolabratif pelbagai agensi dan institusi seperti Jabatan Perhutanan Sarawak, Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Mampan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Jabatan Zoologi Fakulti Sumber Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Perbincangan dalam bab ini dilihat satu pemaparan hasil kajian yang berupa maklumat empirical mengenai corak dan tingkah laku sosial mengenai kedua-dua demografi kumpulan dan dinamik N.Larvatus di Taman Negara Bako. Sekali gus, hasil dapatan kajian sangat penting dan berguna kepada oraganasasi perhilitan dan dapat membantu memudahkan pengurusan taman untuk memelihara sepsis endemic dan terancam. Namun demikian, hasil kajian ini memberi dapatan dan maklumat kepada para pembaca berkaitan dengan maklumat factor-fakotr yang mungkin mempengaruhi dan mengubah corak sosial dan tingkah laku berpunca daripada kehilangan habitat, keterancaman habitan, perubahan alam sekitar dan wujudnya gangguan dari manusia.

Mahkota Diraja Brunei: Yang Tersurat dan Tersirat dikupas oleh Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail dalam bab yang ketiga. Perbincangan dalam bab ini menilai kedaulatan yang tinggi dalam sistem pemerintahan Melayu Islam Beraja pada kesultanan Brunai Darussalam. Sementara itu, tafsiran pengertian Mahkota Diraja Brunai yang menjadi lambang kedaulatan Kesultan dan beraja di Brunai menyimpan sejarah dan falsafah yang tersurat dan Tersirat sebagai alat kebesaran. Melihat rentetan masa sejarah Brunai, mahkota ini pernah digunapakai oleh beberapa sultan yang menaiki takhta dan perlantikan Pengiran Muda Mahkota. Kupasan yang diketengahkan beliau ini memperlihatkan sejarah Negara Brunei Darussalam yang sudah lama memiliki sistem pemerintahan beraja dan

memiliki pusaka alat-alat kebesaran diraja serta adat istiadat beraja. Majlis adat istiadat berpuspa yang jelas menunjukkan kekuasaan daulat yang ada pada seseorang sultan.

Manakala artikel yang keempat yang berjudul *Penyakit dalam Konteks Teks dan Konteks di Borneo-Kalimantan* telah ditulis oleh Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi bersama dengan penulis bersama Nasrullah Mappatang. Penulisan ini membicarakan berkaitan analisis teks penulisan sastera yang jelas memberi gambaran kesan dan impak dari masa dan peristiwa sebenar semasa dunia dilanda wabak pendemik CONVID-19. Mediumisasi penulisan sastera dilihat sebagai alat ilmu dalam menyampaikan mesej dan mengkhabarkan ilmu pengetahuan berkaitan tentang CONVID -19 kepada dalam kalangan masyarakat sejagat. Antara karya yang diteliti dan menjadi pegangan penulis adalah seperti Cerpen "Penari dari Kutai" dan "Kampung Beremai" karya Seno Gumira Adjidharma dan Korrie Layun Rampan merupakan cerpen yang diterbitkan dalam koleksi cerpen, Dunia Sukab (2015) dan Kayu Naga (2007). Analisis ekokritik, gambaran realistik Kalimantan, yang sumber aslinya telah dikorek, adalah cara penulis menonjolkan eksploitasi sumber asli dan kesannya terhadap penduduk tempatan di kawasan Kalimantan. Oleh itu, perspektif kajian budaya yang dijalankan adalah subjek virus dan penyakit yang timbul daripada eksploitasi alam dan persekitaran Kalimantan sebagai tindak balas atau penentangan subjek bukan manusia terhadap manusia yang sangat dominan (Anthropocene).

Artikel kelima yang berjudul *Populariti Gps: Perspektif Data, Pola Pengundi Dan Persepsi Rakyat* telah ditulis oleh Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi bersama dengan beberapa penulis yang turut menyelidik seperti Dr. Suffian Mansor, Novel Anak Lyndon, Lucy Sebli, Juna Liau, Stanley Bye Kadam dan Dick Lembang Anak Dugun. Artikel ini membicarakan situasi geopolitik negeri Sarawak pada 2021. Usaha kajian politik negeri Sarawak ini telah dilaksanakan oleh sekumpulan ahli akademik yang berasal dari Sarawak melakukan penyelidikan lapangan di

Sarawak bagi meninjau pola pengundian, jangkaan dan analisis persepsi rakyat menjelang pilihan negeri Sarawak 2021. Kelompok ahli akademik ini terdiri daripada etnik Melayu/Melanau, Iban, Bidayuh, Orang Ulu yang mempunyai lebih dekat dengan akses kepada etnik masing-masing untuk mendapatkan segala pandangan, kritikan dalam melakukan kajian kumpulan fokus di kawasan etnik bumiputera khususnya. Tumpuan utama penyelidikan tertumpu kepada prestasi Gabungan Parti Sarawak (GPS) Sarawak yang dijangka memberikan impak positif kepada landskap politik negeri Sarawak, khususnya pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak ke-12, yang diadakan pada 18 Disember 2021 merupakan tonggak bersejarah bagi negeri Sarawak. Menariknya pada PRN Sarawak ini merupakan pilihan raya negeri pertama berdepan akibat Covid-19 dan ini membawa kebimbangan kepada pengundi untuk turun mengundi serta merakamkan sejarah politik Sarawak ketika masa dan keadaan masih bergelumang dengan wabak Convid.

Selayah Pandang Beberapa Manuskrip Melayu Sarawak Terpilih merupakan penulisan bab keenam yang ditulis oleh Profesor Madya Dr. Arba'iyah binti Mohd Noor bersama dengan penulisan bersama Azuan bin Jemat. Secara umumnya, tidak banyak penulisan mengenai sejarah Sarawak yang telah dilakukan oleh para sarjana hari ini. Namun, masih terdapat banyak lagi persoalan yang masih belum terjawab dan wujud perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana mengenai pelbagai perkara mengenai sejarah Sarawak. Malah kajian menggunakan manuskrip Sarawak sangat kurang dilakukan oleh para sarjana rentetan kekurangan manuskrip itu sendiri selain masalah kesukaran membacanya bagi masyarakat zaman moden. Artikel ini juga turut membincangkan perkembangan makluman semasa, manuskrip merupakan khazanah ilmu silam yang telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh atau penulis untuk memaparkan segala ilmu pengetahuan silam buat tatapan generasi akan datang. Oleh itu, makalah ini akan cuba membuat tinjauan ringkas mengenai manuskrip Sarawak terpilih agar ia menjadi pembuka jalan bagi kajian para sarjana seterusnya dalam menjadikan manuskrip ini sebagai sumber kajian seterusnya mengangkat

keagungan dan kegemilangan tamadun Melayu di Sarawak.

Sementara itu, bab ketujuh telah ditulis oleh Dr.Mardiana binti Nordin yang berjudul *Pensejarahan Melayu SeNusantara: Paparan Perebutan Takhta Kesultanan Matan(Kalimantan). Awal Abad ke-18.* Beliau mengupas mengenai sejarah Kerajaan Matan yang merupakan salah satu Kerajaan Melayu awal di Kepulauan Borneo, yang juga berada di dalam wilayah Nusantara atau alam Melayu. Secara lebih khususnya, kerajaan Matan terletak di Kalimantan Barat yang juga berhampiran dengan kerajaan Banjar, Sukadana, Mempawah, Mendawai dan beberapa kerajaan yang lain. Perkara menarik yang diangkat penulisa dalam kupasan perbincangan adalah kesultanan sama ada di sebelah Barat Kalimantan, Timur, Selatan mahupun bahagian tengahnya Kalimantan itu sendiri merupakan sebuah wilayah yang luas yang dari segi sejarah awalnya. Perebutan takhta Kesultanan Matan pada awal abad ke-18 dapat disaksikan jika diteliti dari peristiwa sejarah awal yang berlaku dalam konflik dan peperangan yang tercatat dalam catatan manuskrip naskhah pensejarahan Melayu.

Dr. Ho Hui Ling yang menulis bab kelapan menyentuh kupasan berkaitan dengan sejarah keselamatan yang berlaku di Negeri Sarawak dari judul penulisan iaitu *Menelusuri Sejarah Gerakan Komunis di Sarawak Sebelum dan Selepas Merdeka.* Pengaruh komunis telah mula dikesan di Sarawak sejak sebelum merdeka lagi. Pengaruhnya mula tersebar luas semasa zaman pendudukan Jepun dan berterusan selepas Perang Dunia Kedua dengan munculnya beberapa pertubuhan-pertubuhan berunsurkan komunis di Sarawak. Perbincang dalam bab ini juga menilai sejauh mana pergerakan komunis di Sarawak terus berlaku sehingga selepas kemerdekaan dan masa insurgensi Komunis yang jelas membawa kepada ancaman keselamatan yang serius di Negeri Sarawak.

Di samping itu, sebelum meletusnya perang dunia kedua menyaksikan perkembangan ekonomi yang pesat di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Perkembangan ini dapat dilihat dengan penglibatan syarikat Barat dalam aktiviti perlombongan yang menguntungkan ekoran pemintaan yang tinggi. Isu ini akan menjadi perbincangan yang akan dikupas oleh Dr. Sauffian Mansor dan Meor Ahmad Irshad bin Meor Ahmad Hisham dalam

penulisan bersama yang berjudul *Penglibatan Syarikat Barat Dalam Aktiviti Perlombongan Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Perlombongan bijih timah merupakan hasil komoditi galian yang sangat berharga di Tanah Melayu. Buktinya bijih timah menjadi bahan dagangan utama sejak sebelum kedatangn kuasa Barat ke Alam Melayu. Perkembangan sejarah seterusnya menyaksikan campur tangan dan penglibatan syarikat Barat mulai menguasai satu persatu negeri-negeri Melayu yang mengeluarkan bijih timah yang akhirnya menjadi negeri di bawah naungan British.

Tema berkaitan Negeri Sarawak menjadi perhatian khusus dalam buku ini. Pembentukan Malaysia yang melibatkan Negeri Sarawak bukan lah semudah yang disangkakan. Pelbagai liku-liku cabaran yang dihadapi dan kesannya turut dirasai oleh Negeri Sarawak. Dr. Habid Buhigiba bin Mohammad Bustamam memerihalkan akan peristiwa yang berlaku di Negeri Sarawak dan di Brunei serta di Sabah dalam pembentukan Malaysia dalam judul penulisan beliau iaitu *Pemberontakan Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) di Brunei, Sarawak dan Sabah dan Implikasinya ke atas Hubungan dengan Indonesia*. Kesan perjuangan TNKU memperlihatkan kegagalan pemberontakan ini di Brunei, Sarawak dan Sabah sehingga meletus peristiwa konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia. Konfrontasi berakhir dengan kesan yang besar iaitu kejatuhan pemerintahan Sukarno dan tamatnya penglibatan Parti Komunis di Indonesia. Manakala TNKU turut mencapai objektif perjuangan apabila Sultan Omar Ali Saifuddin III menolak penyertaan Brunei dalam Persekutuan Malaysia.

Sementara itu, Dr. Nodri Achie menulis bab kesebelas menyentuh persoalan pemikiran yang terkandung dalam pengisytiharaan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 sebagai Tarikh bersejarah bagi kemerdekaan Sarawak dan Sabah. Kupasan ini diperincikan dalam penulisan beliau yang bertajuk *Wabak Pemurtadan Bahasa Wasilah Pembentukan Bangsa: Arus Sejarah, Aliran Semasa dan Arah Masa Depan*. Persoalannya dalam kupasan inim, apakah ini bermakna jiwa dan pemikiran kita benar-benar telah dimerdekakan sepenuhnya daripada

belenggu penjajahan? Kedua, mengapa entiti politik yang muncul pada 16 September hanyalah negara Malaysia, tanpa bangsa Malaysia. Ini merupakan suatu anomali dalam sejarah negara-bangsa moden?. Jelaslah, kupasan beliau dalam penulisan ini memperlihatkan masa depan pembentukan bangsa Malaysia, lunas atau kandas, bergantung kepada sikap kita sendiri: bermula dengan pendaulatan bahasa kebangsaan, penentangan terhadap wabak murtad bahasa dan pemerdekaan pemikiran daripada segala bentuk rasisime, cauvinisme dan fanatisme. Burung yang baik, mencari pohon yang baik.

Perbandingan Ciri Fonologi dan Kata Leksikal Keluarga Bahasa Baram Hilir, telah ditulis oleh Prof. Madya Dr. Norazuna Norahim. Setakat ini, tidak banyak yang kita ketahui tentang bahasa-bahasa di Baram padahal bahasa-bahasa ini merupakan bahasa moribund iaitu bahasa di tahap akhir ke arah kepupusan. Terdapat kelompangan kajian yang mendesak tentang bahasa-bahasa di Baram dan hal ini memerlukan kita mendokumentasi dan membuat deskripsi sistem bahasa-bahasa ini. Justeru, artikel ini merupakan suatu usaha awal untuk memeri ciri-ciri linguistik khususnya ciri fonologi dan kata leksikal bahasa Miriek, Kiput, Dalik dan Belait. Bahasa-bahasa ini terangkum dalam Subkeluarga Bahasa Baram Hilir. Justeru, diandaikan bahasa-bahasa ini turut berkongsi ciri fonologi dan leksikal yang sama, pada masa yang sama, mmepunyai ciri perbezaan yang memisahkan satu bahasa dari yang lain. Penulisan ini juga akan memaparkan data yang diperolehi melalui sesi temu bual dengan penutur jati bahasa-bahasa tersebut berpandukan 100 Senarai Kata Swadesh. Dari segi kata leksikal, bahasa Belait lebih tinggi peratusan persamaannya dengan bahasa Kiput berbanding Dalik dan Miriek. Perbandingan kelompok bahasa Baram Miri pula, menunjukkan bahasa Miriek mempunyai beberapa ciri khusus yang tidak terdapat pada bahasa lain dalam kelompok ini.

Manakala bab yang ketiga belas memperlihatkan bidang pengajian bahasa di Sarawak yang dibincangkan oleh Dr. Salbiah Haji Hassan yang berjudul *Hubungan Kekeluargaan antara Bahasa Melayu dan Dialek Melayu Kabong bukti Fonologi*. Dalam konteks Sarawak, bahasa seharian

yang digunakan dalam komunikasi masyarakat Melayu secara khususnya ialah dialek Melayu Sarawak. Apabila dikatakan sebagai bahasa Sarawak, ia merujuk kepada dialek Melayu Sarawak. Bahasa Melayu Sarawak mempunyai sedikit perbezaan dengan Bahasa Melayu Standard (BMS). Dialek Melayu Sarawak (DMS) merupakan dialek Melayu yang dituturkan secara meluas oleh masyarakat Melayu di Sarawak merupakan kaum yang ketiga terbesar di Sarawak. Kajian terhadap Dialek Melayu Kabong (DMKb) ini juga penting sebagai usaha untuk menambah dan melestarikan dialekdialek Melayu di Malaysia yang masih belum dikaji sebelum ini. Kajian menentukan taraf kognat antara BMS dan DMKb juga menunjukkan persamaan sebanyak 87.75% kata berkognat membuktikan DMKb bertaraf dialek dan bukannya bertaraf bahasa.Walaupun terdapat perbezaan dari segi leksikal, namun sistem dan struktur fonologinya masih dekat dengan BMS. Penentuan sejumlah lapan vokal dan 19 konsonan yang terdapat dalam fonologi DMKb juga merupakan ciri umum bagi keluarga Austronesia yang dinaungi BMS.

Selain itu, *Analisis Linguistik dan Pilihan Bahasa Vaie*, telah ditulis oleh Dr. Santrol Abdullah yang membentangkan kajian mutakhir berkaitan Bahasa Vaie di Bintulu. Bahasa Vaie yang dituturkan oleh penduduk Bahagian Bintulu, Sarawak khususnya kawasan Jepak, Asyakirin, Kuala Segan, Pandan Sebauah dan sekitarnya merupakan bahasa lisan serta belum mempunyai sistem tatabahasa yang disusun sebagai rujukan, dokumen dan bahan rujukan yang utama. Selain itu, pertembungan dalam aspek linguistik dalam kalangan penuturnya juga menjadi cabaran utama untuk bahasa ini terus bertahan pada masa akan datang. Jika hal ini berlaku maka fenomena keterhakisan terhadap penutur kanak-kanak serta golongan dewasa akan berlaku dan berpanjangan. Makalah ini juga merungkai sejarah bahasa Vaie merupakan salah satu bahasa peribumi Sarawak yang telah wujud sejak adanya penempatan awal masyarakat Bintulu semenjak berabad-abad yang lalu. Sejarah yang jelas berdasarkan bukti-bukti awal seperti lakaran nama pada peta yang telah dihasilkan oleh Diego Homem dan Bartolomeu Velho pada abad ke-13, iaitu sekitar

tahun 1510 telah meletakkan nama Bintulu sebagai R.de burulu yang juga memasukkan penerangan secara ringkas tentang penduduknya. Begitu juga manuskrip lama yang dijumpai pada tahun 1281 Hijrah bersamaan dengan tahun 1864 Masihi menyatakan bahawa bahagian Bintulu telah diserahkan oleh Sultan Brunei di bawah pentadbiran puteri beliau.

Melestarikan Sejarah Lisan: Kajian SK Pulo di Kampung Semarang judul yang dikupas oleh Dr. Awang Rozaimie bin Awang Shuib. Perbincangan ini bekisarkan kepada Sejarah lisan dibuktikan dalam kajian dan penulisan ini bahawa ianya adalah satu cadang keilmuan untuk mengkayakan pengetahuan (knowledge enrichment) yang berkait rapat dengan perkara pokok isu perbincangan. Pembetukan sosiobudaya masyarakat melayu khususnya di Kawasan perkampungan tradisi Seberang Hilir memberi gambaran bagaimana masyarakat suatu ketika dahulu bermuafakat untuk kelangsungan hidup (survival) serta mencorak masa hadapan generasi seterusnya. penulisan ini ada menyebut andaian mengenai asal nama kampung Bintawa (penempatan selepas Kampung Pulo) tetapi tiada pernyataan tersedia yang menjelaskan perkara sebenar mengenai persoalan ini. Kita harus akur bahawa tidak semua peristiwa yang dianggap bersejarah itu direkodkan sepenuhnya atau secara menyeluruh. Selain dari itu, terdapat juga peristiwa yang dianggap tidak penting atau tiada keperluan untuk direkodkan semasa berlakunya sesuatu peristiwa itu. kewujudan SK Pulo melahirkan keserjanaan dipelbagai bidang kemanusiaan membawa berkat dan manfaat kepada seluruh penduduk di perkampungan tradisi Seberang Hilir khususnya dan kepada negara Malaysia amnya.

Disamping itu, Dr. Jati Kasuma Ali mengupas perbincangan berkaitan dengan sejarah pendudukan India muslim di Sarawak dengan judul, *Usahawan India Muslim Di Sarawak*. penulisan ini akan mengupas tentang kegiatan India Muslim dan perkembangan perniagaan mereka di negeri ini dan boleh membuka ruang untuk membuat penulisan yang lebih mendalam di masa hadapan. Tulisan ini akan melihat terlebih dahulu secara ringkas sejarah awal pergerakan Orang India dari negara India di beberapa

buah benua sebagai pemahaman asas kenapa orang India ini berhijrah ke kebanyakan negara di dunia selain bangsa lain Asia khususnya bangsa Cina. Seterusnya, sifat-sifat keusahawanan yang mereka miliki serta nama-nama besar tokoh keushawanan di kalangan mereka. Penghijrahan India Muslim ke Sarawak bermula pada abad ke-19 semasa Sarawak masih di bawah pemerintahan Raja James Brooke. Pada masa itu, Raja Brooke memerlukan tenaga buruh yang banyak untuk membangunkan sektor pertanian dan perkebunan di Sarawak. Kebanyakan dari orang-orang India Muslim yang datang ke Sarawak pada masa itu adalah sebagai pekerja buruh yang diambil daripada daerah-daerah seperti Punjab dan Uttar Pradesh di India. Penghijrahan India Muslim ke Sarawak terus berlanjut selama beberapa dekade berikutnya, meskipun dalam jumlah yang lebih kecil setelah Sarawak menjadi koloni Inggris pada tahun 1946.

Kajian bidang Antropologi di Sarawak menjadi bidang ilmu yang harus diketengahkan dalam kalangan khalayak pembaca umum. Dr. Sharifah Sofea binti Syeid Ahmad dan Dayang Hajyrayati A. Kassim merupakan penulisan bersama bagi judul *Fungsi Pegawai Anak Negeri dalam Interaksi Kuasa dan Pengetahuan di Era Pemerintahan Brooke: Satu Tinjauan Awal.* Makalah ini meneroka peranan Pegawai Anak Negeri (Native Officer) di bawah pemerintahan dinasti rajah putih Brooke sebagai agen moderasi di antara amalan kuasa paksaan(coercive) rajah dan aplikasi secara praktikal di peringkat akar umbi. Aplikasi praktikal tersebut melibatkan aspek pentafsiran kuasa dan amalan serta pemantauan yang merupakan tanggungjawab Pegawai Anak Negeri (NO) dan harus ditafsirkan sebagai agen pengekalan keamanan dan ketertiban dalam daerah-dareah peribumi yang dijajah oleh kuasa asing. Native Officer juga dipandang sebagai peran utama bertindak sebagai palaku penting dalam manjamin kestabilan pemerintahan Brooke dalam kalangan masyarakat peribumi dan wilayah yang ditawan oleh kekuasaannya. Jelaslah, judul ini bertepatan dengan intipati kupasan dan berdasarkan kepada pembacaan literatur yang sedia ada serta kajian lepas yang berkaitan dengan perkhidmatan awam Sarawak di masa era pemerintahan Brooke memerintah Sarawak.

Sementara itu, bab yang ke lapan belas telah ditulis oleh Dr. Adibah binti Yusuf dengan judul penulisannya iaitu *Rumah Tradisional Melayu Sarawak: Seni Bina dan Ruang Bercirikan Pengaruh Islam*. Penempatan awal penduduk Melayu Sarawak dikatakan bermula di Sungai Sarawak. Mengimbau sejarah Sarawak semasa kedatangan James Brooke bermula pada 1839, terdapat satu kawasan kediaman orang Melayu di kawasan Kuching yang juga merupakan pusat pentadbiran bagi pemimpin Melayu Brunei, iaitu berdekatan dan berhampiran Sungai Sarawak. Justeru semasa pemerintahan Brooke. Sememangnya Kuching bermula sebagai bandar orang Melayu dan menempatkan jumlah penduduk Melayu yang agak ramai sehingga ke hari ini. Mereka tinggal di pekan, juga di kampung di seberang sungai serta di bahagian barat dan tenggara Bandar Kuching. Islam mempunyai pengaruh yang cukup besar terhadap pembinaan kediaman khususnya rumah bagi masyarakat Melayu di Sarawak dan ternyata ciri-ciri Islam juga penting dalam menentukan struktur, rekabentuk, ruangan dan keluasan kediaman bagi sesebuah rumah. pengaruh Islam dalam gaya hidup Melayu tradisional jelas dikenal pasti pada reka bentuk dan ciri-ciri rumah Tradisional Melayu, yang dibangunkan dengan prinsip-prinsip asas Islam. Kajian ini akan membincangkan penerapan prinsip Islam dalam rumah Melayu tradisional Sarawak, yang mana kajian ini dijalankan ke atas tiga buah rumah Melayu tradisional yang dipilih dari Sarawak dan terletak di Kuching, Sarawak.

Di samping itu, para penulis yang berkarya dan bergiat minat menulis turut mengisi penulisan dalam buku ini. Abang Ibrahim Abang Ali dan Dayang Fatin Amira Abang Ibrahim merupakan penulis bersama dalam judul *Suatu Ketika di Lembah Sadong: Interpretasi pensejarahan awal Sadong.* Penulisan ini berkisarkan kepada sejarah awal Sadong yang belum pernah diterbitkan. Kewujudan negeri Sadong terbukti dengan penemuan syiling yang berukir nama Maharaja Kao Tsu (618-626) dari Dinasti Tang dan ratusan tembikar dan ribuan serpihan tembikar Dinasti Tang-Sung (618-1279) di Gedong. Pada tahun 1368 Masihi, wilayah Tanjung Pura, Sedu, Beruneng, Kalka, Saladung, Solot, Pasir,

Baritu, Sawaku, dan Malano tercatat dalam rangkap (pupuh) yang ke-14 kakawin Nagarakretagama. Sedu diterjemahkan sebagai wilayah Sadong (Batang Sadong). Ada beberapa wilayah jajahan Majapahit di bahagian Timur, iaitu di kepulauan Borneo telah juga terbukti dalam teks "Alamat Zaman Ketahtaan Nagari Barunai". Kerajaan Brunei sebelum abad ke-14 merupakan negeri jajahan takluk Majapahit. Berdasarkan teks ini, Kalaka, Sadong, dan Sarawu berada di bawah pentadbiran kerajaan Brunei.

Manakala, judul *Pensejarahan Melayu Sarawak: Kajian Terhadap Naskah Hikayat Datuk Merpati Karya Haji Muhammad Tahir Bin Abdul Ghani* telah ditulis oleh Cikgu Samsol bin Morshidi Bujang yang mengupas berkenaan dengan kajian teks naskhah Hikayat Datuk Marapati hasil karya Haji Muhammad Tahir bin Abdul Ghani. kajian terhadap masyarakat Melayu di Sarawak bersifat statik dan sekadar didengar secara lisan yang mungkin bakal ditokok tambah serta hilang wibawa untuk dijadikan sumber pensejarahan. Kajian terhadap Datuk Merpati dan kedatangan masyarakat Melayu di Sarawak khususnya di Kuching telah menarik minat untuk mengetahuinya secara lanjut dalam membentuk dan mencari identiti mereka khususnya kebudayaan dan sejarah yang kurang mereka kenali. Penulis mula meminati pensejarahan Melayu di Sarawak apabila diminta untuk menerima senaskah manuskrip bertulisan jawi, bertulisan tangan bagi tugasan sarjana pada tahun 2013 oleh waris Haji Muhammad Tahir bin Abdul Ghani yang sebelumnya amat asing bagi penulis.

Artikel terakhir yang dipaparkan dalam buku ini sebagai penutup kepada himpunan artikel iaitu *Pensejarahan Dastar Raja Negeri-Negeri Melayu Awal (Dastar Sarawak) berdasarkan Catatan Manuskrip di Sarawak: Satu Tinjauan Awal Paparan Dastar pada Awal ke – 16.* Sejarah purba dan tertua Negeri Sarawak membuktikan bahawa telah wujudnya beberapa Negeri-Negeri Melayu Awal yang bermula seawal sekitar abad ke 300 Era Sebelum Sekarang (EES). Pensejarahan awal ini membuktikan telah wujudnya dastar atau tengkolok yang digunakan pada masa tersebut yang kebiasaanya dipakai oleh golongan raja-raja ataupun pembesar raja. Perbincangan dalam bab ini berdasarkan kepada sumber primer yang

belum pernah diterbitkan terutama sumber bahan manuskrip Melayu Sarawak seperti *Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam Temenggong Kadir Negeri Saribas, Syair Negeri Santubong* dan sebagainya. Namun demikian, orientalis barat seperti Hugh Low pernah mencatatkan perihal busana Melayu Sarawak dalam sekitar abad ke-19. Impak dari penyelidikan ini berjaya membukti bahawa pada suatu ketika, Sarawak turut memiliki destar dan tengkolok yang tersendiri sebagai asal dan jati diri bangsa Melayu Sarawak.

Pengulungan hujah perbahasan yang dikupas dalam naskhah ini memperlihatkan Sarawak memiliki keilmuan dan pengetahuan yang luas sehingga menuntun agar penerokaan dalam kajian penyelidikan harus dipergiatkan dengan aktif. Akhir kata, selamat menjamu hidangan bacaan ilmiah yang disajikan dalam buku *Dastar Patinggi Karya Sumbangsih kepada Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib bin Haji Said, Kumpulan Artikel bersempena dengan memperingati Ulang Tahun Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak*.

Profesor Madya Dr. Arba'iyah binti Mohd Noor
Azuan bin Jemat

UNIVERSITI MALAYA 2014

YANG BERBAHAGIA DATU DR. HAJI SANIB BIN HAJI SAID

Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib bin Haji Said telah dilahirkan pada 02 April 1953 dan dibesarkan di Lawas Sarawak. Beliau telah mendiri rumahtangga bersama Datin Hajah Fatimah binti Haji Abdul Malik dan dikurnia dua orang anak iaitu Dr. Salawati binti Sanib dan Dr. Siti Amalina dan dua orang cucu beliau bernama Eva Yasmeen dan Ana Anaque. Beliau telah mendapat Pendidikan rendah di Malay Central School, Lawas dan kemudian menyambung di Sekolah Menengah Lawas. Pada masa yang sama beliau melanjutkan pelajar di peringkat menengah di Sekolah Menengah Limbang. Bagi melanjutkan ke peringkat Sijil Tinggi Malaysia beliau telah mendapat tawaran untuk melanjutkan ke Kolej Tun Datuk Tuanku Hj. Bujang du Tanjong Lobang, Miri pada tahun 1966 sehingga 1972. Kemudiannya beliau menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Universiti Malaya, Kuala Lumpur dengan pengkhususan dalam bidang Sejarah Malaysia dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian pada tahun 1976. Pada tahun 1981, beliau telah menyempurnakan pengajian diperingkat Ijazah Sarjana dalam bidang Sejarah Sarawak. Pada masa yang sama beliau merupakan tenaga pengajar muda (Tutor) di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dari tahun 1976 sehingga 1979.

Setelah hampir tiga tahun menjadi tutor, beliau mendapat tawaran pekerjaan sebagai Pegawai Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur pada tahun 1980. Semasa menjawat jawatan Pegawai Arkib, pada masa yang sama beliau juga telah melanjutkan pengajian di University of New South Wales, Australia pada tahun 1981 mengambil jurusan Diploma in Information Management and Archives Administration. Minat dalam bidang akademik telah membuka ruang untuk beliau bertukar kerja dari seorang pegawai Arkib kepada Pensyarah. Pada tahun 1983, Yang

Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said mula bertugas sebagai tenaga pengajar di Universiti Teknologi Malaysia. Menjelang tahun 1985, beliau ditawarkan mengajar di Universiti Brunai Darussalam (UBD) seterusnya mengasaskan penubuhan Jabatan Sejarah di Universiti Brunai Darussalam (UBD) pada Mei 1987, Yang Berbahagia Datu Dr.Haji Sanib Haji Said dilantik sebagai Ketua Jabatan Sejarah serta pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Brunai Darussalam (UBD). Pada tahun 2013, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sejarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, di Kuala Lumpur.

Pengalaman kerjaya Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said telah merangkumi pelbagai jawatan bukan sahaja di universiti, malahan di peringkat pentadbiran tertinggi Kerajaan Negeri Sarawak. Pada mei 1990, belaiu telah dilantik sebagai Setiausaha Eksekutif Majlis Pembangunan Sosial di Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak dan pada Jun 1997, beliau menjadi Pengarah yang ke-16 Jabatan Muzium Sarawak. Semasa bertugas menjadi pengarah muzium, beliau telah melanjutkan pengajian dengan mengambil Certificate in Education in Museums and Galleries, British Council di London pada tahun 1998 dan pada tahun 2003, beliau meneruskan pengajian di Perth Australia mengambil Certificate in Advance Management, University of Western Australia. Setelah bersara dalam perkhidmatan awam Negeri Sarawak, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said kembali dalam dunia akademik. Pada januari 2009, beliau dilantik memegang jawatan akademik sebagai Profesor Madya dan Felo Penyelidik Kanan Kursi Nusantara di Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan kemudian memegang jawatan Rektor Pengarah Institut Pengajian Asia Timur (UNIMAS) sehingga bersara wajib pada tahun 2014. Pada tahun 2014 sehingga sekarang beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak memegang tampuk pentadbiran dan hala tuju perjuangan membela bangsa Melayu Sarawak.

Sebagai pakar dalam bidang sejarah khususnya sejarah Sarawak,

Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said pernah dilantik sebagai pakar runding dan rujuk samaada diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Pada tahun 2005, beliau dilantik sebagai pakar rujuk untuk "Dokumentari Jejak Warisan, terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM)" serta pakar rujuk untuk "Muzium Nasional Malaysia" di Kuala Lumpur. Peringkat antarabangsa, beliau merupakan pakar rujuk untuk 2006 Documentary – Tom Harrisson: The Barefooted Anthropologist, ICON Filmss, Bristol for BBC London, pada tahun 2006. Beliau merupakan Penulis Skrip, Video pendek, Kemerdekaan sempena dengan Hari Malaysia pada 16 September 2010 serta pada tahun 2007, pakar rujuk untuk "Dokumentari Nikmat Merdeka, Program 50 Tahun Merdeka, Radio Televisyen Malaysia Sarawak.

Pengiktirafan dalam bidang museology telah melayakkan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said sebagai pakar rujuk untuk Muzium Pendidikan Nasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada tahun 2005 hingga sekarang. Pada tahun sama juga khidmat kepakaran beliau amat diperlukan di Muzium Petroleum dan Sains Sarawak di Miri dan Muzium Seni Sarawak di Kuching. Menjelang tahun 2006, beliau merupakan pakar runding pembinaan Muzium YAB Pehin Abdul Taib Mahmud di bawah Naim Cendera Sdn Bhd. Keahlian dan kepakaran Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said juga meliputi keakrifan ilmu yang berkaitan Kajian Manuskrip dan Historiografi Melayu. Pada tahun 2010, beliau telah dilantik sebagai ahli Pusat Pengajian Borneo, Universiti Teknologi Mara, UiTM Sarawak untuk tempoh 2 tahun. Pada masa yang sama, turut dilantik sebagai Member of Board Studies: Centre for Built Enviroment, Kulliyyah of Architcture and Enviromental Design, International Islamic University of Malaysia, untuk tempoh selama 2 tahun. Khidmat kepakaran beliau juga diperlukan di Negara Berunai Darussalam pada jun tahun 2010, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said dilantik sebagai ketua projek bagi pengurusan eManuskirp di Pusat Sejarah Brunei. Pada tahun 2013, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said telah dilantik sebagai Konsultan Muzium

Moden Sarawak (MMS) oleh NAIM Holding Berhad.

Kepimpinan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said dapat dilihat dari segi penglibatan beliau dalam badan sukarela dan membela nasib orang Melayu Sarawak. Beliau merupakan pengasas dan ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Budaya Melayu Sarawak sejak dari tahun 1993 sehingga 2015, Lembaga Khairat Islam Lawas sebagai Timbalan Pengerusi sejak dari tahun 1998 hingga sekarang, Lembaga Pelawat Sekolah Tunas Bakti sebagai Setiausaha sejak dari tahun 1992 sehingga tahun 1994. Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said turut mendampingi graduan Melayu Sarawak dengan menjadi pengasas dan Yang Dipertua Ikatan Graduan Melayu Sarawak sejak dari tahun 1996 sehingga sekarang. Selain itu, beliau bergiat aktif menjadi ahli pemegang amanah dalam beberapa persatuan dan pertubuhan seperti Sarawak Development Institute, Ahli sejak dari tahun 2000 sehingga sekarang, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak sebagai Timbalan Yang Dipertua dari tahun 1990 sehingga sekarang dan Malaysian Institute of Personnel Management seabagai Ahli Bersekutu pada tahun 1998.

Manakala kepimpinan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said dalam mendampingi masyarakat dapat dilihat dalam penglibatan berorganisasikan kemasyarakatan. Harakah Islamiah Sarawak sebagai Ahli Majlis Tertinggi dan Ketua Belia sejak dari tahun 1997 sehingga tahun 2005, Yayasan Tun Abdul Razak Malaysia sebagai Ahli Lembaga sejak dari tahun 2000 hingga sekarang, Persatuan Ibubapa Guru SRK Gita sebagai Pengerusi pada tahun 1995 sehingga tahun 2000, Panel Anugerah Sastera Sarawak sebagai Ahli pada tahun 1995 sehingga 2000, Majlis Kraf Sarawak sebagai Ahli pada tahun 2000 hingga sekarang, Anib Hldgs. Sdn. Bhd. dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan Anib Plantations Sdn. Bhd. dari tahun 2003 sehingga 2005, Persatuan Muzium Malaysia sebagai Naib Yang Dipertua, dari tahun 2005 sehingga 2009, Sarawak Craft Council sebagai Ahli pada tahun 1998 sehingga sekarang dan Lembaga Khairat Melayu Bahagian Limbang sebagai Pengerusi sejak dari tahun 2000 sehingga sekarang.

Kepakaran dalam ilmu Sejarah, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said turut diamanahkan beberapa perlantikkan dan peranan tertinggi dalam kepimpinan, ilmuan di Negeri Sarawak. Beliau beperanan penting dalam menjadi Pakar Rujuk Buku Teks Sejarah Malaysia bagi Sejarah Negeri Sarawak sebagai pakar sejarah yang mewakili Negeri Sarawak. Pada tahun 2022, beliau merupakan PAkar Rujuk, Narator dan Host bagi Dokumentari Negeri Yang Hilang di Sarawak untuk tayangan di Televisyen Sarawak (TVS). Pada tahun yang sama, kepakaran beliau turut mendapat perhatian dari Kerajaan Persekutuan dengan dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia. Kemudian pada tahun yang sama juga, beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis Warisan Sarawak (Lembaga Pemegang Amanah Muzium Sarawak) bagi tahun 2022 sehingga 2025. Perlantikkan ini telah dianugerahkan kepada beliau oleh Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Persembahan Seni Sarawak. Pada tempoh tahun 2022 sehingga 2024, Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Hal Ehwal dan Adat Melayu oleh Lembaga Hal Ehwal Islam dan Adat Melayu (LHIAM) dibawah Majlis Islam Sarawak (MIS). Manakala pada tahun 2023, beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pusat Maklumat Islam yang telah dilantik oleh Majlis Islam Sarawak (MIS).

Sepanjang hayat Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said, beliau berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam penganjuran beberapa seminar, simposium, bengkel wacana dan organisasi acara. Antaranya beliau pernah terlibat dalam Simposium Budaya Sarawak, pada tahun 1998 dan 1999 sebagai setiausaha, Seminar Budaya Melayu Sarawak sebagai Timbalan Pengerusi, World Eco-Fiber Textile Forum, Atelier Society, Sarawak sebagai Pengerusi pada tahun 1999, pengerusi bagi Jawatankuasa Perasmian untuk Kongres Pembangunan Masyarakat Islam Sarawak pada Oktober 1999, perlantikan sebagai Editor, Sarawak Gazette, pada tahun 1990 sehingga tahun 2000, penyumbang penulisan bagi Ensaiklopedia Sejarah dan Budaya Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1998, menubuhkan S.U.P.E.R. – Sudut Pertemuan

Remaja, anjuran Majlis Pembangunan Sosial, penceramah motivasi, Kem. Kepimpinan berdasarkan S. Covey's The 7 Habits of Highly Effective People dan penceramah Belajar Berkesan berdasarkan Tony Buzan's Mind Mapping dan Total Brain Learning.

Bagi mengenang Jasa bakti yang Dicurahkan Sepanjang kerjaya Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said yang telah mejawat perlbagai jawatan pensyarah, di Universiti Malaya, UTM, Universiti Malaysia Berunai, Institut Pengajian Borneo, UNIMAS Serta khidmat Sebagai penjawat awam Negeri Sarawak sebagai Pengarah Muzium Sarawak, Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak. Kesemua ini,Menjadi bukti Melayakkan Sanib Menerima anugerah gelaran "Datu" sebagai tauliah Kecemerlangan dalam kerjaya dan perkhidmatan bakti yang dicurahkan kepada Negeri Sarawak. Antara anugerah Penghormatan dan Pingat Kebesaran adalah seperti pada tahun 1997 Pingat PPB (Pingat Perkhidmatan Bakti) Pingat Pentadbiran Awam kerana ketaatsetiaan dan perkhidmatan cemerlang, Pingat PBK (Pingat Bintang Kenyalang Sarawak) kerana ketaatsetiaan dan jasa bakti pada tahun 2001, Pingat PPC (Pingat Perkhidmatan Awam) Sarawak kerana ketaatsetiaan dan perkhidmatan cemerlang pada tahun 2002, Pingat PPG (Pingat Peringatan Delima Gangsa) kerana sumbangan dan jasa bakti sempena dengan sambutan Jubli Delima Sarawak Merdeka pada tahun 2003 dan tahun 2008 di anugerahi Pingat JBS (Jasa Bakti Negeri Sarawak) kerana jasa dan perkhidmatan kepada Negeri Sarawak.

Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said merupakan seorang ahli akademik dan ahli birokrat serta seorang yang amat prolific dalam bidang penulisan buku, artikel jurnal dan monograf dalam pelbagai aspek bidang disiplin ilmu. Beliau juga telah melahirkan ramai garduan bukan sahaja di peringkat ijazah pertama dan ijazah Sarjana termasuk doktor falsafah sewaktu beliau mengajar di Universiti seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Univeristi Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Kesarjanaan Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said yang meliputi

bidang penyelidikan beliau seperti Kajian Manuskrip dan Historiografi Melayu, Falsafah dan Teori Sejarah Sejarah, Ketamadunan dan Dasar Negara, Sejarah Dunia Melayu, Politik Sarawak dan Museology. Berikut dipaparkan hasil karya penulisan ilmiah bagi sepanjang hayat, masa dan zaman Yang Berbahagia Datu Dr. Haji Sanib Haji Said.

Penerbitan

Tesis

Sanib Said, *"Anti-Cession Movement in Sarawak, 1946-1953",* BA Thesis, Jabatan Sejarah, 1976, Universiti Malaya

Sanib Said, *"Malay Politics in Sarawak, 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy",* 1981, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya

Sanib Said, *"Description of General Bennett's Personal Papers"*, Post Graduate Diploma Thesis, 1981University of New South Wales, Australia

Sanib Said, "Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam Dangan Temenggong Kadir Negeri Saribas: Kajian Pensejarahan Melayu", PhD Sejarah, 2013, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Buku

Sanib Said, *"Islam di Sarawak: Sejarah Ringkas", dalam Khoo Kay Kim (ed.), Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Sanib Said (Editor bersama), *Hari Ini Dalam Sejarah III*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1983.

Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak, 1945-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*, Singapore:1985: Oxford University Press, 1985.

Sanib Said, *Yang Dikehendaki: Biografi Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Patinggi Ahmad Zaidi Adruce Mohd*. Nor, Kuching: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, Kuching,1992.

Sanib Said (Editor bersama, Dato Taha Ariffin, Othman Yatim dan Muhamad Yassin), *Katalog Muzium Islam Sarawak*, Kuching: Jabatan Muzium Sarawak, Kuching, 1993

Sanib Said (Editor bersama Awg. Hasmadi Awg. Mosi), *Masyarakat Melayu Sarawak*, Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2003.

Sanib Said & Allen Maxwell, *Two Manuscripts from Sarawak Museum, Chapter I, Introduction: Malay-Jawi Manuscripts In Borneo, Malay Historical Writings Series*, Kuching: Sarawak Museum, 2005.

Sanib Said, *Dahulu Terasing, Kini Terjalin: Bahagian Limbang, Pejabat Residen, Bahagian Limbang*, Sarawak: Pejabat Bahagian Limbang, 2010.

Sanib Said, *Malay Politic in Sarawak, 1946-1966* (Edisi kedua), Kota Samarahan: Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak, 2011.

Sanib Said, *"Soal Peta, Bumi dan Hati: Sejarah dan Masyarakat Perbatasan Sarawak-Kalimantan"*, bab dalam Ramlah Muhamad et al, Ed., Membangkitkan Memori Kolektif Kesejarahan Malaysia-Indonesia, Persatuan Sejarah Malaysia, cetakan kedua, 2012.

Sanib Said, *"Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak Yang Hilang"*, CREAM, Current Research in Malaysia,I,1, MOHE, Oktober 2012.

Sanib Said, *22 Julai 1963: Sarawak Merdeka*, Kuching: Jabatan Ketua Menteri, 2013.

Sanib Said, *Melayu Sarawak: Sejarah Yang Hilang*, Kursi Nusantara, Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak, 2013.

Sanib Said, *Menunggu Laila: Sebuah Antologi Puisi*, Kuching: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2017.

Sanib Said, *Politik Melayu Di Sarawak 1946-1966, Bersatu ke Mercu Kuasa*, Kuching: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu, 2015.

Sanib Said & Azuan Jemat, *Bangsawan Sultan Tengah, Sultan Sarawak Darul Hana*, Kuching: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2020.

Sanib Said, *Negeri Santubong, Sejarah Awal Sarawak, 300ESS-1647ES*, Kuching: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2021.

Makalah Dalam Jurnal Akademik

Sanib Said, *"The Identities of Sharip Mansor of Sarawak-Brunei and Syed Mashor of Selangor"*, Sarawak Museum Special Centenary Issue, Kuching, Sarawak, 1983.

Sanib Said, *"Brunei 1839 – 1983 by Ranjit Singh: A Book Review"*, Journal Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1983.

Sanib Said, *"Brunei in the 16th Century: A Period of Glory", Asian Culture A Special Issue on Brunei*, Hongkong, 1990.

Sanib Said, *"The History of Sarawak: Where Do We Begin?"* Sarawak Museum Journal, 1999, hlm.211-255.

Sanib Said, *"A History of Democratic Institutions in Sarawak: The Origins of the Supreme Council and Council Negeri",* Sarawak Museum Journal, 2004, hlm.1-19.

Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa/Kebangsaan

Sanib Said, *"Pergolakan Politik Sarawak"*, kertas kerja, Persatuan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia,1983.

Sanib Said, *"Brunei Historiography: A Survey and Evaluation",* International Asian Historians Association (IAHA), Oktober, Singapore,1984.

Sanib Said, *"Brunei Lama: Huraian Teori Penghijrahan"*, Seminar Antarabangsa: Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Brunei Darussalam, 1987.

Sanib Said, *"Early Port-Cities of Sarawak: Formation of Sarawak's Polity"*, Borneo Research Council Conference, Kuching, Sarawak, 1993.

Sanib Said, *"The Race Against Time and Space: Oral History in Sarawak"*, International Conference on Oral History, Arkib Negara Malayisa, Kuala Lumpur,1993.

Sanib Said, *"Preservation and Utilization of Cultural Heritages: A Malaysian State of Sarawak's Experience",* ASEAN-ROK Future-Oriented Cooperation Project; 2003.

Sanib Said, *"Cultural Leadership Exchange Programme, 1-7 September 2003",* Seoul and Sucheon, Republic of Korea, 2003.

Sanib Said, *"Balancing National Vision and Ethnic Aspirations: The Experiences at Some Malaysian Museums"*, Museum Australia National Conference, Museum Australia, Melbourne, 16-21 May, 2004.

Sanib Said, *"Changing and Managing Colonial Museum: Museums in Sarawak",* Museum Seminar, Deakin University, Melbourne, 2004.

Sanib Said, *"National Versus Ethnic Cultures: The Experiences of the Sarawak Museum"*, European Southeast Asian Studies Conference, Paris, France, 2004.

Sanib Said, *"Sejarah Penyebaran Hadrah di Sarawak: Penciptaan Kebudayaan Pesisir"*, Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan Ke-1, Institut Kajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak, Samarahan, 29-30 Ogos 2005.

Sanib Said, *"Kajian Manuskrip Melayu-Jawi di Borneo: Tinjauan Selayang Pandang"*, Seminar Manuskrip Kesultanan Melayu Borneo, Kuching, Sarawak, November, 2006.

Sanib Said, *"From Balai and General Council To Supreme Council and Council* Negeri: The Origins of Modern Democratic Institutions and Practices in Sarawak", Persidangan Antar Universiti SeBorneo-Kalimantan, Institut Pengajian Asia Timur dan Universiti Malaysia Sabah, 16-17 Julai, Kota Kinabalu, 2009.

Sanib Said, *"Pembentukan Negeri Melayu: Pembacaan Pascamodenisme Awal Syair Tarsilah Cetera Abang Godam Dangan Temenggong Qadir Negeri Saribas",* Persidangan Antarabansa Manuskrip Melayu, Jabatan Sejarah dan Akademi Melayu, Universit Malaya, Kuala Lumpur, 1 – 3 Disember, 2009.

Sanib Said,*"Soal Peta, Bumi atau Hati: Sejarah dan Masyarakat Perbatasan Sarawak-Kalimantan",* Dialog Memori Sejarah Malaysia-Indonesia, anjuran Persatuan Malaysia dan Malaysia Indonesia Eminent Person Group, Johor Baharu, 31-2 Oktober, 2010.

Sanib Said,"Sejarah Awal Sarawak Sebelum 1400", Seminar Polemik Sejarah, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 9 November 2011.

Sanib Said, *"Sarawak Sebelum Brooke dan Brunei: Empat Negeri Melayu Yang Hilang",* Syarahan Sejarah, Kursi Nusantara, Institut Pengajian Asia Timur, UNIMAS; Ikatan Graduan Melayu Sarawak, Persatuan Sejarah Malaysia C. Sarawak, Jabatan Muzium Sarawak dan Yayasan Budaya Melayu Sarawak, Bilik Niah, Muzium Sarawak, Kuching, Sarawak, 26 November 2011.

Sanib Said,*"Negeri Saribas: In Search of a Lost Kingdom and Manuscript",* Conducting Archival Research in Borneo: In Search of a Lost Kingdom, Tribes and Voices, Institute of East Asia Studies, UNIMAS, Sarawak, 15 Januari 2012.

Sanib Said, "*From Buzz to iCloud: A Personal Cyber Journey in Sarawak",* Borneo Heritage Symposium, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak, 16 Februari 2012

Sanib Said, "*Sejarah Awal Sarawak Sebelum 1400",* Seminar Polemik Sejarah Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Simunjan, Samarahan, Sarawak, 18 Februari 2012.

Sanib Said, *"The Myths of Origins of the Kingdom of Brunei: Rereading and Interpretations of the Rangau Manuscript and Syair Awang SimaCun",* BRC, UBD, Brunei Darusalam, 25-26 June 2012.

Sanib Said, "*Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam dan Temenggong Qadir: Pembentukan Negeri Minangkabau-Brunei",* MANASSA, Jogjakarta, Indonesia, September 2012.

Kertas Kerja Persidangan/Seminar Negeri

Sanib Said, *"Masyarakat Melayu Sarawak, 1841-1941: Sejarah Kejatuhan Kuasa Melayu",* Seminar Budaya Melayu Sarawak I, Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak, atas jemputan, Kuching 5-6 Jun 1988.

Sanib Said, *"Kota-Kota Pelabuhan Awal di Sarawak: Pembentukan Politi Tersendiri",* Seminar Sehari Sejarah Sarawak, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, Kuching, 2 Ogos, 1988.

Sanib Said, *"Pakaian Melayu Sarawak Tahun 1840-an: Pandangan Hugh Low",* Bengkel Pakaian Tradisional, Melayu Sarawak, Kuching, 23hb - 24hb November, 1990.

Sanib Said, *"In Search of Lost Manuscripts and Tribes: Library and Archival Research In Sarawak",* Forum on Approaches and Methods of Fieldwork in Cultural Studies, Universiti Pertanian Bintulu, Sarawak, 9-11 July, 1991.

Sanib Said, *"Melayu Dalam Sejarah Sarawak: Satu Iktibar"*, Seminar Budaya Melayu Sarawak II, Kuching, Sarawak, 1993.

Sanib Said, *"Kebudayaan Kaum-Kaum Sarawak: Mencari Nilai-Nilai Murni dan Saksama Demi Perpaduan",* Kongres Perpaduan Bumiputera", Kuching, Sarawak, 12 - 13 April, 1997.

Sanib Said, *"Sejarah Masyarakat Melayu Sarawak: Impian dan Perjuangan"*, Seminar Sempena Sambutan Ulangtahun Ke-40, Persatuan Melayu Miri, Miri, Sarawak, 14 – 15 Ogos, 1999

Sanib Said, *"Sastera Rakyat: 123 Tahun Usaha Muzium Sarawak",* Bengkel Sastera Rakyat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuching, Sarawak, 2006.

Sanib Said*, "Pensejarahan Sarawak: Memperbaharui Makna Lama"*, Seminar Sejarah Sarawak 2006, Kuching, Sarawak, September, 2006.

Sanib Said, *"Kesamaan dan Pengukuhan Budaya: Melawat Semula Negara-Bangsa",* Sarawak Cultural Symposium, 17-19 July, 2009, Kuching, Sarawak, 2009.

Sanib Said, Pembentukan Negeri Melayu: Pembacaan Pascamodenisme Awal Syair Tarsilah Cetera Abang Godam Dangan Temenggong Qadir Negeri Saribas, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu, Universiti Malaya, 1-3 Disember, 2009.

Sanib Said, *"Kertas kerja untuk Dialog Memori Kolektif Kesejarahan Malaysia-Indonesia",* anjuran Persatuan Sejarah Malaysia dan Warisan Johor, Johor Bahru, Malaysia, 1-3 Oktober 2010.
2011*"Sarawak Sebelum Brunei dan Brooke: 6 Negeri Melayu Yang Hilang",* Wacana Inteltektual Melayu 6, Syarahan Sejarah, anjuran Ikatan Graduan Melayu Sarawak, Kursi Nusantara, UNIMAS, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, Kucing, 11 Disember 2011.

Makalah Dalam Majalah

Sanib Said, *"Anti-Cession Movement, 1945-1951",* Sarawak Gazette, Kuching, 1976.

Sanib Said, *"Pertumbuhan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Sarawak",* Sarawak Gazette, Kuching, Sarawak, 1979.

Sanib Said, *"Nasionalisme Melayu di Sarawak",* Widya, Kuala Lumpur, 1980.

Sanib Said, *"Penemuan Minyak di Sarawak",* Widya, Kuala Lumpur, 1980.

Sanib Said, *"Trusan Bazaar: Images Before the Big Fire*", Sarawak Gazette, Kuching, Sarawak, 1981.

Sanib Said, *"The End of Brooke Rule by R. Reece: A Book Review",* Sarawak Gazette, Dec., Kuching, Sarawak,1982.

Sanib Said, *"Pulau Amboyna Cay dan Sprattlys Jadi Rebutan",* Dewan Masyarakat, November, Kuala Lumpur, 1982.

Sanib Said, *"Sejarah Labuan Bertukar Tuan",* Dewan Masyarakat, Mei, Kuala Lumpur, 1984.

Sanib Said, *"Bahang Politik di Sarawak",* Dewan Masyarakat, Jun, Kuala Lumpur, 1984.

Sanib Said, *"In Search of Lost Tribes and Manuscripts: Archival Research in Sarawak",* Sarawak Gazettee, Kuching, Sarawak, 1993.

Sanib Said, *"1963-1993: Sarawak 30 Years Ago",* Sarawak Gazettee Special Issue, Kuching Sarawak, 1993.

Sanib Said, *"Datuk Patinggi Tan Sri Hj. Abdul Taib Mahmud 30 Years Ago: Two Historic Speeches"*, Sarawak Gazettee Special Issue, Kuching, 1993.

Analisis Linguistik dan Pilihan Bahasa Vaie, Bintulu

Dr. Santrol bin Abdullah

Pendahuluan

Bahasa Vaie yang dituturkan oleh penduduk Bahagian Bintulu, Sarawak khususnya kawasan Jepak, Asyakirin, Kuala Segan, Pandan Sebauah dan sekitarnya merupakan bahasa lisan serta belum mempunyai sistem tatabahasa yang disusun sebagai rujukan, dokumen dan bahan rujukan yang utama.. Selain itu, pertembungan dalam aspek linguistik dalam kalangan penuturnya juga menjadi cabaran utama untuk bahasa ini terus bertahan pada masa akan datang. Jika hal ini berlaku maka fenomena keterhakisan terhadap penutur kanak-kanak serta golongan dewasa akan berlaku dan berpanjangan.

Situasi sebegini menyebabkan bahasa Vaie berada dalam kedudukan terancam. Kepupusan bahasa menurut pandangan Grimes (2002), ialah terancam teruk serta berada dalam kelompok bahasa yang mengalami ancaman kepupusan yang serius dan menurut Stephen Wurm (1998) dalam David Crystal (2000) pula bahasa yang terancam serius apabila bahasa tersebut mempunyai penutur yang berusia 50 tahun ke atas. Sejajar dengan sifat bahasa Vaie yang berada dalam kelompok terancam, maka proses-proses pelestarian yang teratur dan tersusun harus dilakukan. Oleh sebab itu, antara aspek yang perlu dilakukan segera terhadap bahasa

ini agar terus bertahan ialah mencerakinkan aspek–aspek linguistik, mengidentifikasikan kedudukan bahasa, menganalisis sikap pemilihan bahasa serta menghuraikan tipologi keterancaman bahasa untuk tujuan perancangan bahasa Vaie pada masa akan datang. Kesemua aspek yang dinyatakan ini menurut Asmah Omar (1989) merupakan langkah-langkah ke arah pemeliharaan dan pelestarian sesebuah bahasa yang perlu dilakukan terhadap bahasa yang mengalami ancaman kepupusan. Pendapat ini turut ditegaskan oleh King (1978), yang menyatakan bahawa sebagai langkah pemeliharaan awal sesuatu bahasa yang mengalami ancaman kepupusan, ciri-ciri linguistik dan makna leksikal harus didokumenkan dan disebarluaskan kepada khalayak supaya bahasa tersebut terus dikaji dan dibincangkan dari semasa ke semasa.

Menurut Zaini (1989), bahasa Vaie merupakan salah satu bahasa peribumi Sarawak yang telah wujud sejak adanya penempatan awal masyarakat Bintulu semenjak berabad-abad yang lalu. Tiada bukti khusus yang disokong oleh dokumen bertulis yang menyatakan bilakah bahasa dan masyarakat ini mula bertapak di Bintulu. Berdasarkan bukti-bukti awal seperti lakaran nama pada peta yang telah dihasilkan oleh *Diego Homem* dan *Bartolomeu Velho* pada abad ke-13, iaitu sekitar tahun 1510 telah meletakkan nama Bintulu sebagai *R. de burulu* yang juga memasukkan penerangan secara ringkas tentang penduduknya. Begitu juga manuskrip lama yang dijumpai pada tahun 1281H bersamaan dengan tahun 1864 Masihi menyatakan bahawa bahagian Bintulu telah diserahkan oleh Sultan Brunei di bawah pentadbiran puteri beliau.

Fakta begini boleh dijadikan sebagai bukti awal tentang keberadaan masyarakat Vaie di Bintulu pada zaman tersebut atau lebih awal daripada tarikh tersebut yang telah membawa bersama-sama budaya dan bahasanya. Beberapa tulisan awal yang dilakukan oleh pengkaji Barat seperti Meyer (1884), Bleek, WM. Hi (1858), H. Ray (1907), King (1946) serta beberapa penyelidik selepasnya seperti Tom Harisson (1954), Acher (1965), Hudson (1971), Blust (1974), Asmah Omar (1983) dan Zaini (1989) sering menyatakan bahawa kewujudan bangsa dan bahasa Vaie

di Bintulu tanpa dipengaruhi oleh bangsa dan bahasa-bahasa lain yang wujud di sekitarnya.

Masalah yang sering menjadi polemik dan isu utama dalam kalangan penutur Vaie ialah adakah bahasa ini merupakan bahasa yang tersendiri atau sebahagian daripada bahasa peribumi Sarawak yang lain atau tergolong dalam subgolongan bahasa Melanau. Isu begini belum lagi terungkai sepenuhnya kerana tiada lagi bukti dan hasil dapatan daripada penyelidikan yang dapat digunakan untuk membuktikan dan merungkaikan masalah ini.

Namun demikian, huraian berbentuk pengelompokan bahasa Vaie pernah dilakukan oleh beberapa penyelidik tempatan seperti Asmah Omar (1983), Zaini (1989), Noriah Mohamed (2011) dan Mohd Sharifudin (2013). Bahasa Vaie yang ada kalanya disebut sebagai bahasa Melanau Bintulu, bahasa Bintulu dan bahasa Vaie Segan serta berasal daripada susur galur bahasa Austronesia. Bahasa ini sering diletakkan bersama-sama dalam subgolongan bahasa Melanau. Namun demikian, beberapa dapatan awal kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik luar dan tempatan menyatakan bahawa bahasa Vaie ini terpisah serta tidak terletak dalam subgolongan bahasa Melanau. Isu inilah yang memberikan kesan terhadap masa hadapan bahasa Vaie dalam kalangan penuturnya bagi mengidentifikasikan kedudukan bahasa mereka.

Sehubungan dengan itu, Zaini (1989) turut berpandangan bahawa dialek Bintulu atau bahasa Vaie telah diasingkan oleh Hudson (1971) daripada subgolongan bahasa Melanau. Beliau menyatakan bahawa bahasa ini adalah bahasa “bukan Melanau”. Zaini juga bersependapat dengan Archer (1965) yang mencadangkan bahawa dari aspek linguistik, bahasa Vaie adalah satu bahasa tersendiri dan bukan salah satu daripada subgolongan bahasa Melanau. Namun demikian, kajian-kajian yang telah dibuat terhadap bahasa Vaie ini tidak begitu terperinci dan hanya membuat perbandingan berdasarkan kepada beberapa kosa kata yang dikumpulkan dan dibandingkan dengan beberapa bahasa peribumi lain khususnya bahasa Melanau (Matu, Daro, Kanowit, Mukah, Belawai,

Rejang), bahasa Berawan, Kenyah, Kayan, Punan dan Penan dalam usaha untuk mengidentifikasikan di mana bahasa ini berada.

Kajian yang dilakukan terhadap bahasa Vaie sebelum ini belum lagi dapat membantu untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan persoalan adakah bahasa Vaie ini adalah bahasa yang tersendiri dan bukan berada dalam subgolongan bahasa Melanau atau bahasa-bahasa peribumi yang lain di Sarawak. Polemik sebegini harus diselesaikan segera supaya masalah kerancuan etnik dan bahasa ini tidak berpanjangan yang akhirnya akan memberikan kesan terhadap pelestarian bahasa Vaie itu sendiri. Krisis identiti menurut Pinker (1979), merupakan salah satu faktor penyebab kepada ancaman kepupusan bahasa khususnya bahasa minoriti dalam sesebuah masyarakat. Masalah yang dinyatakan di atas harus dirungkaikan dengan beberapa pendekatan. Antaranya termasuklah melalui pendekatan bahasa. Abdullah Hassan (2009) berpendapat bahawa terdapat beberapa unsur yang dapat mencirikan identiti sesebuah masyarakat antaranya ialah leluhur yang sama, penuturan bahasa yang sama, tempat tinggal yang sama (kedudukan geografi), anutan agama yang sama dan budaya yang sama.

Bahasa Vaie yang dipertuturkan dalam kalangan masyarakat Vaie mempunyai perbezaan yang amat ketara daripada aspek linguistik dengan masyarakat Melanau yang tinggal di kawasan Mukah, Matu, Daro, Igan, Dalat, Balingian, Belawai, Rejang dan Seduan di bahagian Sibu. Namun demikian, dalam aspek budaya beliau menyatakan bahawa perbezaan antara Vaie dan Melanau adalah tidak jauh berbeza. Data ciri linguistik dan pilihan bahasa Vaie ini diperoleh daripada responden dan informan di Bahagian Bintulu, Sarawak, melalui kajian lapangan, sampel kajian, temu bual serta jawapan yang diberikan dalam borang soal selidik.

Kajian ini telah melibatkan seramai 350 orang responden yang terdiri daripada empat generasi penutur bahasa Vaie iaitu yang berumur 7 tahun hingga 17 tahun, umur 18 tahun hingga 39 tahun, umur 40 hingga 69 tahun dan umur 70 tahun ke atas di bahagian Bintulu. Manakala, untuk memperoleh data yang berkaitan tentang ciri linguistik dan

identifikasikan bahasa, data-data diperoleh melalui maklumat daripada informan di lapangan berdasarkan sesi temu bual kepada informan yang telah dikenal pasti serta diakui mempunyai kemahiran penguasaan bahasa Vaie di Bintulu, Sarawak.

Ciri linguistik diperlukan dalam bahasa agar bahasa tersebut mampu bertahan dan dilestarikan pada masa akan datang. Selain itu juga, ciri-ciri linguistik dalam sesebuah bahasa merupakan salah satu faktor yang digunakan untuk mengklasifikasikan sesebuah etnik berdasarkan faktor bahasa. Menurut Carmen Fought (2006) beliau menyatakan bahawa:

> *Linguistic features within variety are key element in the indexing and reproduction of ethnic identity, just they are for other aspect of identity, such as gender or social class.*

Dalam konteks ini, bahasa Vaie telah mengalami perubahan sosiobudaya dalam usaha mereka untuk memenuhi keperluan dan cabaran baharu dalam kehidupan mereka. Dalam proses asimilasi ini, bahasa Vaie kian dihimpit oleh bahasa-bahasa lain di persekitaran terutamanya dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, bahasa Iban dan bahasa Inggeris. Wujud beberapa kata-kata pinjaman dari bahasa-bahasa lain ke dalam bahasa Vaie namun yang paling dominan ialah dialek Melayu Sarawak (MS), bahasa Iban, bahasa Melayu Standard (BMS) dan juga bahasa Inggeris (BI).

Namun demikian, kata-kata pinjaman ini hanya melibatkan beberapa tema-tema yang berkaitan dalam bidang-bidang baharu seperti sains dan peralatan teknologi. Seterusnya untuk tema-tema yang berkaitan dengan anggota tubuh badan, flora fauna, bentuk muka bumi, sapaan keluarga, binaan rumah dan peralatan dapur bahasa Vaie masih mengekalkan keaslian kosa katanya sendiri seperti bahasa-bahasa peribumi lain di Sarawak. Etnik Vaie juga turut mengalami pelbagai perubahan sosiobudaya yang turut mempengaruhi pemilihan bahasa dalam komunikasi harian mereka

untuk memenuhi keperluan dan cabaran baharu dalam kehidupan mereka. Dalam proses asimilasi ini, bahasa mereka juga terpengaruh dengan faktor persekitaran yang ada. Pendedahan kepada bahasa peribumi dominan tempatan seperti Melayu Sarawak dan bahasa Melayu standard dan Iban turut memberi kesan kepada keaslian bahasa Vaie pada waktu ini.

Terdapat kesan-kesan kata pinjaman daripada dialek Melayu Sarawak (DMS), bahasa Melayu standard (BMS) bahasa Inggeris (BI) dan beberapa bahasa peribumi Sarawak yang lain seperti bahasa Iban, Melanau, Punan, Kedayan dan Kayan dalam perbendaharaan kata bahasa Vaie. Fonem-fonem yang dikenal pasti akan diserap dan diterima pakai sebagai sistem bunyi dan ejaan rasmi bahasa Vaie dan seterusnya didokumentasikan untuk menonjolkan bahasa ini dengan lebih meluas dalam kalangan etnik Vaie dan etnik umum yang lain.

Berikut merupakan hasil dapatan yang diperoleh daripada informan-informan di lapangan tentang ciri linguistik bahasa Vaie berdasarkan kepada Teori Fonetik Struktural Ferdinand De Saussure (1916) serta struktur Fonologi Bahasa Melayu yang telah disesuaikan berdasarkan pandangan Asmah Omar (1983) dan Zaharani (2005) seperti berikut:

Sistem Bunyi

Bahasa Vaie yang dituturkan di Bintulu mempunyai beberapa perbezaan bunyi bahasa antara bahasa yang terdapat di Semenanjung dan bahasa peribumi yang lain di Sarawak dengan wujudnya konsonan [q], [v], dan [z]. Malah sebutan nama “Vaie’ itu sendiri turut dibunyikan dengan bunyi [v] dan tulisan menggunakan lambang ‘v’. Bunyi ‘v’ ini tidak terdapat dalam bahasa Melayu dan tiada dalam dialek Melayu Sarawak asal serta bahasa-bahasa peribumi lain di Sarawak kecuali untuk bahasa Kayan dan Kenyah. Beberapa kata lain termasuk va [va] (bara), vaeng [vaəŋ] (letih), vivah [vivah] (membaiki),vaz [vas] (beras), vengah [vəŋah] (bahang), vinak [vinaʔ] (akar kayu yang pahit) dan sebagainya.

Terdapat juga beberapa kata yang disebut dengan bunyi [z] seperti zak [zaʔ] (bagus), zap [zap] (hitung), zenyam [zəɲãm] (sedap), dan zian

[ziʸan] (kacak). Begitu juga dengan penemuan bunyi [q] dalam kosa kata bahasa Vaie seperti qevu [qəvu] (keruh), qabah [qabah] (kuali), qa'a [qaʔa] (nampak), qanan [qanan](tempayan) dan sebagainya. Deskripsi seterusnya merupakan bentuk sebutan yang lazim terdapat dalam bahasa Vaie seperti di dalam jadual di bawah:

Vokal

Menurut Faridah Nazir (2014) huraian bunyi vokal boleh menunjukkan sifatnya. Vokal ialah bunyi oral tetapi ada kalanya dinasalkan. Vokal juga tergolong sebagai bunyi bersuara. Oleh itu, untuk menghasilkan vokal, udara keluar melalui rongga oral tanpa sekatan. Sifat vokal ini ditentukan oleh kedudukan lidah dan keadaan bibir. Vokal dalam bahasa Melayu menurut Zaharani (1999), terbahagi kepada tiga keadaan iaitu vokal hadapan, vokal tengah dan vokal belakang.

Kajian ini mendapati bahasa Vaie mempunyai lapan fonem vokal asas yang diwakili oleh lima huruf iaitu [a] (a), [e] (a), [i] (i), [o] (o),[u] (u), [ə] (e), [ɛ] (e), dan [ɔ] (o). Kedudukan fonem vokal bahasa Vaie dapat dilihat dalam rajah yang disesuaikan dengan diagram yang diperkenalkan oleh Daniel Jones dalam Zainal Abidin (2011) seperti yang berikut :

Bahasa Vaie seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas mempunyai empat jenis vokal depan iaitu [i], [e], [ɛ], dan [a]. Hanya terdapat satu sahaja vokal tengah separuh sempit iaitu [ə]. Manakala untuk vokal belakang pula terdiri daripada [u], [o], dan [ɔ]. Taburan fonem-fonem dalam bahasa Vaie ini dapat dilihat seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 4.3 Penyebaran Fonem Vokal dalam Bahasa Vaie

Bil	Jenis Vokal	Awal kata		Tengah kata		Akhir kata	
		BV	BM	BV	BM	BV	BM
1	/i/	iveng [ivəŋ] ibhet [ibət] inyaq [iɲãq]	angkat timun minyak	palik [paliʔ] jemik [jəmĩʔ] qejipot[qejipot]	luka kotor kusam	lili [lili] ai [ay] bivi [bivi]	dipalit goreng mulut
2	/u/	urong [uroŋ] usat [usat] uvow [uvow]	hidung marah bubu	jeluqaq[jəluqaq] vanyus[vaɲũs] vuluk[vuluʔ]	muntah dara tua buluh	jeghuju [jeɣuju] vesu [vəsu] vuvu [vuvu]	jatuh kenyang obor-obor
3	/ɛ/ Sepa ruh luas	agem [agəm] andet [andət] qeed [qəʔed]	tangan padat dinding	anget [aŋẽt] seqek [səqeʔ]	menutup pasu curi	-	-
4	/ə/ pepet	eng [eŋ] engyak [eŋỹaʔ]	ping-gang sekarang	maeb [mãʔeb] aet [aʸet] abhe [qabəq]	mengin-tai cangkuk terpedaya	-	-
5	/a/	alod [alod] abheng [abəŋ] abeng [abʔ]	perahu suap ruang	inah [inãh] vas [vas] agalak [agalaʔ]	itu beras belum	manava [mãnãvã] qela [qəla] vala [vala]	tak pasti bayi pedas
6	/o/	ob [ob] ong[oŋ] oq [oq]	merang-kak buah burung hantu	agot [agot] aqon [aqon] ivos [ivos]	berkeras mengaku keluarga	-	-
7	/ɔ/	angos [aŋõs] maong [mãʷoŋ] seqoi [seqoi]	cium tidak tembikai	-	-	-	-
8	/e/ taling	Mangges [mãŋẽges] maqen [mãqen] mapen [mãpən]	Manggis makin petik buah	-	-	-	-

4.2.2.1 Depan Sempit /i/.

Vokal ini wujud dalam bahasa Vaie sebagai vokal depan tinggi, /i/ terdapat dalam semua lingkungan, iaitu sebelum dan antara vokal serta juga pada lingkungan akhir kata. Berdasarkan kepada data-data yang diperolehi dalam bahasa Vaie ini didapati bahawa vokal depan sempit /i/ wujud dalam semua posisi iaitu awal kata, tengah kata dan belakang kata. Contoh perkataan dalam bahasa Vaie serta terjemahan yang menggunakan vokal jenis ini adalah seperti *iveng* [ivəŋ] (angkat), *ibhet* [ibhət] (timun), *qaqinik* [qaqiniʔ] (berudu), *aghik* [aɣiʔ] (sirih), lili' [liliʔ] (dipalit) atau (disapu), *luli* (menyapu), *a'ikk* [aʔiʔ] (goreng tanpa minyak), dan *bivi* [bivi] (mulut). Vokal /i/ dalam bahasa Vaie juga boleh berfungsi sebagai unsur pertama dalam rangkap vokal ke tengah (*centering, vowel cluster*). Dalam bahasa Vaie vokal ini juga kebanyakannya hadir dalam perkataan-perkataan kata nama (KN) dan kata kerja (KK).Vokal /i/ juga merupakan unsur pertama dalam rangkap /ia/ dan /io/. Contoh perkataan yang mempunyai unsur-unsur ini dalam bahasa Vaie adalah seperti yang berikut:

i.	qiamet	[qiyamə̃t]	=	kiamat
ii.	ghasiak	[ɣasiyaʔ]	=	rahsia
iii.	qepiah	[qepi^{y}ah]	=	kopiah

Belakang Sempit /u/.

Penyebaran vokal belakang sempit /u/ juga wujud pada semua posisi dalam bahasa Vaie iaitu awal kata, tengah kata dan akhir kata. Contoh perkataan bahasa Vaie yang mempunyai unsur vokal belakang sempit adalah seperti berikut:

i.	udhot	[udot]	=	daki
ii.	uon	[u^{w}on]	=	pikul
iii.	uzow	[uzow]	=	kejar

Selain itu, penyebaran vokal /u/ dalam bahasa Vaie juga boleh berdiri sebagai unsur pertama dalam rangkap seperti /ue/. Di samping itu juga, vokal/u/ dalam bahasa Vaie ini juga berdiri sebagai unsur pertama dalam rangkap /ua/ dan unsur kedua dalam rangkap /au/. Contoh perkataan seperti di bawah:

i.	nuaq	[nũwaq]	=	bergurau dengan kanak-kanak
ii.	suaw	[su^{w}aw]	=	degil
iii.	suak	[suaʔ]	=	suruh

Vokal /u/ dalam bahasa Vaie juga boleh membentuk diftong apabila diikuti oleh geluncuran /y/, untuk menghasilkan /uy/ seperti contoh yang berikut :

i.	buyen	[bujen]	=	gila babi
ii.	guguy	[guguj]	=	ketam atas pasir
iii.	mepuy	[mẽpuj]	=	belai

Tengah Separuh Sempit /ə/.

Vokal tengah separuh sempit /ə/ dalam bahasa Vaie hadir dalam kosa kata seperti contoh-contoh yang berikut:

i.	agem	[agəm]	=	tangan
ii.	tupes	[tupəs]	=	himpit
iii.	tuqen	[tuqən]	=	tekan

Vokal ini juga cenderung hadir dalam suku kata akhir tertutup atau terbuka seperti perkataan yang berikut:

i.	jebeq-jebeq	[jəbəq-jəbəq]	=	meleter
ii.	venges	[vəŋəs]	=	kepanasan
iii.	jeghujow	[jəɣujow]	=	keterlaluan

Dalam contoh (iii) di atas /ə/ merupakan unsur kedua dalam rangkap vokal /aə/ dalam bahasa Vaie.

Depan Separuh Luas /ɛ/.

Manakala untuk vokal depan separuh luas pula jarang terdapat dalam bahasa Vaie dan hadir dalam beberapa perkataan sahaja seperti contoh yang berikut:

i.	eng	[ɛŋ]	=	pinggang
ii.	engyak	[ɛŋyaʔ]	=	sekarang
iii.	es	[ɛs]	=	sejenis kayu untuk menjahit jala

Selain itu, vokal ini juga cenderung terdapat dalam suku kata akhir tertutup atau terbuka dalam bahasa Vaie seperti yang berikut:

i.	getey	[gətɛj]	=	warna bulu ayam
ii.	jepet	[ʤəpət]	=	kelat
iii.	jemik	[ʤəmĩʔ]	=	kotor

Vokal /ɛ/ juga terdapat dalam rangkap /ie/ dan /eb/ dalam bahasa Vaie seperti yang berikut:

i.	bieng	[biɛŋ]	=	meletak tangan di atas bahu
ii.	latie	[latiɛ]	=	tebing sungai
iii.	lelesiew	[lelesɛw]	=	sangat tinggi

Depan Luas /a/

Vokal depan luas /a/ ini dalam bahasa Vaie terdapat dalam semua lingkungan kata. Misalnya seperti yang berikut :

i.	alod	[alod]	=	perahu
ii.	aeb	[aʸeb]	=	intai
iii.	baza	[baza]	=	buaya

Seperti yang dinyatakan dalam contoh i, ii dan ii di atas vokal /a/ juga merupakan unsur bagi rangkap /ia/, /ea/ dan /ua/. Di samping itu juga vokal /a/ merupakan unsur bagi rangkap /ai/. Contohnya ialah seperti penggunaan perkataan yang berikut

i.	ghai	[ɣai]	=	bilangan
ii.	maie	[mãʔɛ]	=	bangun tidur
iii.	maieng	[mãʔɛŋ]	=	lihat

Sebahagian unsur diftong vokal /a/ terdapat dalam diftong-diftong /ay/ dan /aw/. Contohnya:

i.	abay	[abay]	=	naik
ii.	baay	[baʔay]	=	ke hilir
iii.	bughay	[buɣay]	=	tewas

Separuh Sempit /o/.

Vokal separuh sempit /o/ ini merupakan lebih luas penggunaannya dari /u/ dan pada amnya terdapat dalam suku kata tertutup seperti yang berikut:

i.	nyeghenon	[ɲəɣənon]	=	berpura-pura
ii.	gagol	[gagol]	=	cakar
iii.	dudoq	[dudoq]	=	sembarangan

Seperti yang dinyatakan dalam contoh i, ii, ii, iv, dan v vokal /o/ juga boleh hadir serta merupakan unsur dalam diftong /ow/ dan /oy/ iaitu apabila vokal berkenaan bergabung dengan geluncuran /w/ atau /y/ yang mengikutnya.

i.	anow	[anõw]	=	yang
ii.	badhow	[badow]	=	bermadu

Diftong

Diftong merupakan gabungan bunyi-bunyi vokal. Diftong juga merupakan gabungan dua vokal yang terdapat dalam satu suku kata yang disebut secara berterusan tanpa ada segmen. Diftong terbentuk apabila berlaku penggeluncuran bunyi-bunyi vokal. Satu vokal menggeluncur dari satu vokal kepada vokal yang lain. Dalam bahasa Vaie terdapat lima jenis diftong yang wujud iaitu /aw/,/ay/, /ow/, /oy/ dan /ɛy/. Contoh perkataan adalah seperti yang berikut :

i.	sezaw	[səzaw]	=	ayam
ii.	manay	[manaj]	=	lelaki

Konsonan

Bunyi konsonan dapat dihuraikan berdasarkan cara penghasilannya sama ada letupan, letusan, sengauan, geseran dan sebagainya, serta titik artikulasi atau daerah sebutannya seperti dua bibir, gigi-gusi, lelangit keras, lelangit lembut, anak tekak dan lain-lain. Menurut Asmah Omar (2008), konsonan ialah bunyi-bunyi bahasa yang ketika dihasilkan melibatkan sentuhan seketika di antara salah satu alat artikulasi dan titik artikulasi.

Apabila sentuhan berlaku maka laluan udara dari paru-paru tersekat dan dengan terlepasnya sentuhan itu, udara dapat mengalir semula melalui mulut atau hidung. Melalui data yang diperoleh dalam kajian ini, terdapat 18 fonem konsonan yang wujud dalam bahasa Vaie seperti yang berikut iaitu [b], [ɓ], [p], [t], [d], [ɗ], [g], [q], [ʔ], [v], [s], [z], [c], [ʤ], [R], [h], [w], [y].

Bilabial

Konsonan plosif, bilabial bersuara dan tidak bersuara /b/, /p/. Bunyi ini berlaku pada awal, tengah dan akhir perkataan. Contoh fonem konsonan bilabial dalam bahasa Vaie adalah seperti berikut :

i.	ba	[ba]	=	dua
ii.	saba	[saba]	=	isteri
iii.	sebab	[səbab]	=	esok

Plosif, Dental Bersuara dan Tidak Bersuara

Manakala untuk unsur konsonan plosif, dental bersuara dan tidak bersuara /d//t/ pula. Bunyi ini berlaku pada awal, tengah dan akhir perkataan dalam bahasa Vaie. Contoh penyebaran konsonan plosif, dental bersuara dan tidak bersuara dalam bahasa Vaie adalah seperti contoh yang berikut:

i.	dembah	[dəmbah]	=	dimana
ii.	pedes	[pəʔdəs]	=	sakit

Implosif, Bilabial Bersuara dan Dental Tidak Bersuara /ɓ /ɗ/.

Konsonan implosif, bilabial bersuara dan dental bersuara dalam bahasa Vaie berlaku pada awal dan tengah perkataan sahaja dalam bahasa Vaie seperti contoh-contoh perkataan yang berikut:

i.	buk	[buʔ]	=	rambut
ii.	subak	[subaʔ]	=	minum
iii.	daw	[ɗaw]	=	hari

Plosif Lelangit Lembut Bersuara /g/.

Manakala untuk penyebaran plosif lelangit lembut bersuara /g/ dalam bahasa Vaie pula contoh perkataan seperti yang berikut:

i.	agem	[agəm]	=	tangan
ii.	ageng	[agəŋ]	=	akar kelapa
ii.	agalak	[agalaʔ]	=	belum

Letupan Uvular Tidak Bersuara /q/

Bunyi ini berlaku pada awal, tengah dan akhir perkataan dalam bahasa Vaie. Bunyi konsonan letupan dalam uvular tidak bersuara /q/ ini dalam bahasa Vaie paling banyak digunakan. Dalam dapatan awal daripada kajian ini boleh dirumuskan bahawa semua perkataan yang bermula

dengan huruf /k/ sama ada kata pinjaman atau asli dalam bahasa Vaie digantikan dan dimulakan dengan huruf /q/ seperti yang berikut :

i.	qabah	[qabah]	=	kuali
ii.	qaluk	[qaluʔ]	=	bebal
iii.	qanan	[qanãn]	=	tempayan

Hentian Glotis /ʔ/.

Bunyi ini berlaku pada tengah dan akhiran perkataan. Dalam bahasa Vaie hentian glotis ini kerap digunakan di tengah dan akhir perkataan. Namun demikian, melalui dapatan daripada kajian ini, hentian glotis di tengah perkataan dan akhir perkataan sering menggunakan simbol /'/ untuk menggantikan /ʔ/ dalam mengeja perkataan. Kebanyakan bahasa-bahasa peribumi di Sarawak juga menggunakan simbol tersebut dalam mengeja perkataan khusus di tengah dan akhir perkataan seperti bahasa Bidayuh Singai, Biatah, Kenyah dan Kayan. Sekiranya bunyi glotis tersebut tidak dibunyikan adakalanya sesuatu perkataan itu memberikan makna yang lain. Contohnya ialah perkataan a'ot [aʔot] (paut) a'ay [aʔaj] (kaki), a'ed [aʔəd] (lap), ma'eb [maʔəb] (mengintai) dan sebagainya. Dalam penulisan seperti bahasa Bidayuh, Melanau, Kayan, Kenyah dan Lun Bawang simbol /'/adalah bermaksud hentian glotis. Contoh perkataan yang dimaksudkan ialah tidos [tidos] (sudu), mapuk [mapuʔ] (putih). Contoh konsonan hentian glotis /ʔ/ dalam bahasa Vaie adalah seperti yang berikut:

i.	a'et	[aʔet]	=	cangkuk
ii.	ba'ay	[ba.ʔay]	=	ke hilir
iii.	ba'i	[ba.ʔi]	=	orang

Frikatif Bersuara dan Tidak Bersuara (v, s, z, R, h).

Konsonan frikatif /v/ dalam bahasa Vaie muncul di awal dan tengah perkataan seperti contoh yang berikut:

i.	valon	[valon]	=	bekal
ii.	vas	[vas]	=	beras
iii.	vala	[vala]	=	pedas

Manakala untuk bunyi /z/ berlaku pada tengah dan akhir perkataan dalam bahasa Vaie seperti yang berikut :

i.	pezu	[pəzu]	=	izin, setuju
ii.	nuzow	[nũzow]	=	dikepung
iii.	maza	[mãza]	=	membawa bersama

Bunyi /s/ dan /R/ berlaku pada awal, tengah dan akhir perkataan. Seperti contoh yang berikut :

i.	suƀut	[subut]	=	gigit
ii.	susip	[susip]	=	hisap
iii.	memes	[məməs]	=	picit

Afrikat Bersuara dan Tidak Bersuara (c, ʤ)

Bunyi ini berlaku pada awal dan tengah perkataan dalam bahasa Vaie. Bunyi /c/ merupakan bunyi pinjaman dari bahasa Melayu Standard. Namun demikian, kebanyakan bahasa peribumi Sarawak bunyi /c/ akan digantikan dengan bunyi /s/. Contoh konsonan afrikat bersuara dan tidak bersuara /c/ dan / ʤ / adalah seperti yang berikut:

i.	caped	[capəd]	=	cepa
ii.	cacend	[cacɛng]	=	cacing

Manakala bunyi /ʤ/ berlaku pada awal dan tengah kata seperti yang berikut:

i.	ja’as	[ʤaʔas]	=	jahat
ii.	jujuk	[ʤuʤuʔ]	=	jari

Sengauan Bersuara (m, n, ŋ , ɲ)

Bunyi /m/, /n/ dan /ŋ/ berlaku pada awal, tengah dan akhir perkataan dalam bahasa Vaie . seperti contoh yang berikut:

i.	minak	[minaʔ]	=	banyak
ii.	tama	[tamã]	=	bapa
iii.	azam	[azam]	=	cucu

Manakala untuk bunyi /ɲ/ dalam bahasa Vaie berlaku pada awal dan tengah perkataan sahaja seperti contoh yang berikut

i.	nyipa	[ɲipa]	=	ular
ii.	penyak	[pəɲaʔ]	=	makan

Sisian (l).

Konsonan sisian atau literal ialah konsonan seakan /l/ yang disebut dengan menghasilkan halangan apabila sepanjang paksi lidah, sambil melepaskan udara ke paru-paru di sebelah atau kedua-dua belah lidah. Selalunya hujung lidah menyentuh gigi atas atau gusi atas di belakang gigi. Konsonan sisian yang paling kerap ditemui merupakan malaran tidak bergeser yang digolongkan dalam konsonan cecair. Dalam bahasa Vaie berdasarkan data yang diperoleh bunyi ini berlaku pada awalan dan akhiran perkataan seperti contoh yang berikut:

i.	lalad	[lalad]	=	gusi
ii.	jela	[jəlaʔ]	=	lidah
iii.	lemanak	[ləmanaʔ]	=	penyegat

Separuh Vokal Bersuara (w, y)

Cara penghasilan bunyi ini ialah bibir dalam keadaan bundar. Belakang lidah dinaikkan setinggi-tingginya tetapi tidak mencecah lelangit lembut. Bunyi yang terhasil ialah bunyi [u]. Bunyi [u] ini digeluncurkan dengan

pantas ke arah penghasilan bunyi vokal tengah [∂] dengan menurunkan belakang lidah agar berada dalam kedudukan biasa. Bibir berubah daripada keadaan bundar kepada keadaan biasa. Ketika penghasilan bunyi ini, udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut tanpa sebarang halangan atau sekatan dan pita suara bergetar. Contoh perkataan yang mempunyai bunyi ini ialah waris, wang, bawal dan kawan. Dalam bahasa Vaie bunyi vokal ini berlaku pada awal tengah dan belakang perkataan seperti contoh yang di bawah:

i.	way	[waj]	=	pinang
ii.	juwow	[ʤuwow]	=	tingkap
iii.	laqaw	[laqaw]	=	jalan

Bunyi konsonan separuh vokal yang kedua ialah bunyi [j]. Bunyi [j] dinamakan konsonan separuh vokal lelangit keras bersuara. Jika dalam penulisan biasa, bunyi ini ditulis sebagai /y/ dalam bahasa Vaie vokal /y/ ini wujud pada depan, tengah dan belakang dalam beberapa perkataan seperti contoh yang berikut:

i.	yas	[jas]	=	solek
ii.	yak	[jaʔ]	=	ini
iii.	yan	[jan]	=	mirip

Analisis Leksikal dan Makna

Leksikal merupakan fungsi perkataan atau perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa. Menurut Abdullah Hassan (1989), bahasa bukan sahaja berperanan sebagai simbol atau lambang komunikasi, bahasa juga berperanan sebagai penyataan fikiran dalam pelbagai bidang dengan adanya pemaknaan tertentu. Kata leksikal dalam sesuatu perkataan ada kalanya memberi gambaran nilai kebahasaan individu dan etnik tentang sesebuah bahasa.

Pengaruh dan keaslian sesuatu bahasa perlu diperjelas dengan analisis semantik sesuatu ayat. Dalam bahagian ini huraian tentang peranan dan penggunaan leksikal bahasa Vaie dalam tema tertentu seperti kata sapaan kekeluargaan, anggota tubuh badan, bentuk muka bumi, flora dan fauna, peralatan rumah tangga dan binaan rumah diberikan berdasarkan penggunaan harian mereka. Leksikal dalam tema ini dipilih kerana tema-tema inilah yang masih mengekalkan leksikal-leksikal asal bahasa Vaie dalam komunikasi harian etnik mereka.

Menurut Raja Masittah (2014), kata leksikal tergolong dalam kelas kata terbuka seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif. Kelas kata terbuka bermaksud terbuka kepada penerimaan dan pengumpulan kata leksikal baharu yang tercipta sepanjang masa, iaitu sebahagian kata tambahan baharu. Justeru, kata leksikal dan kata nahu mempunyai fungsi yang berbeza. Menurut Nik Safiah Karim (1981) dalam Raja Masittah (2014), "satu aspek yang memesatkan perkembangan sesuatu bahasa ialah kata-katanya. Sehubungan dengan itu juga, sifat sesuatu bahasa juga adalah berhubung kait dengan fitrah kehidupan dan latar anggota etnik menuturkannya. Berikut merupakan contoh-contoh leksikal dalam beberapa tema bahasa Vaie yang mengambarkan situasi leksikal mereka pada masa kini.

Sapaan Kekeluargaan

Penggunaan kata sapaan dalam kekeluargaan mencerminkan kedudukan dan tingkat sosial mereka dalam keluarga sesebuah etnik. Seperti sistem sapaan kekeluargaan yang wujud dalam bahasa Melayu, bahasa Vaie juga mempunyai sistem panggilan atau sapaan kekeluargaan yang tersendiri. Menurut Rosli Kamarudin (2014), sistem sapaan dalam bahasa Vaie telah digunakan sejak dahulu lagi. Dengan adanya sistem sapaan dalam etnik Vaie ini, ia menggambarkan nilai kedudukan dalam keluarga individu yang disapa tersebut.

Selain itu, dengan adanya kata sapaan kekeluargaan ini juga dapat memberikan maklumat tentang jantina dan tahap generasi individu

tersebut dalam salasilah keluarga dalam etnik Vaie dapat dikenal pasti serta merupakan panggilan hormat kepada golongan yang lebih tua atau yang dihormati. Contoh penggunaan kata sapaan dalam bahasa Vaie adalah seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 4.9 : Leksikal Kata Sapaan Kekeluargaan dalam Bahasa Vaie

Bil	Perkataan (BV)	Makna (BM)	Kelas Kata
1	nek atuk manay [neʔ atuʔ manay]	moyang lelaki	KN
2	nek atuk redhu [neʔ atuʔ rədhu]	moyang perempuan	KN
3	nek wa manay redhu [neʔ wa manayrədhu]	datuk nenek saudara sulung	KN
4	nek ngah nanay redhu [neʔŋah manay rədhu]	datuk nenek tengah	KN
5	nek manay [neʔ manay]	datuk lelaki	KN

Daripada jadual di atas sistem panggilan dan sapaan untuk etnik Vaie kebanyakan masih mengekalkan bahasa Vaie dalam komunikasi harian mereka.. Namun demikian, pengaruh sistem panggilan dalam bahasa Melayu amat ketara dalam etnik Vaie khususnya dari penurunan panggilan. Contoh perkataan yang sama dengan sistem panggilan etnik Melayu ialah istilah datuk dan nenek. Dalam etnik Vaie datuk dipanggil “atuk” dan nenek dipanggil “nenek”. Yang membezakan panggilan ini hanyalah jantina. Contohnya sekiranya moyang lelaki, dalam etnik Vaie dipanggil sebagai *Nek Atuk Manay* dan moyang perempuan dipanggil sebagai *Nek Atuk Redhu.*

Untuk adik beradik sebelah datuk dan nenek pula, etnik Vaie masih dipengaruhi dengan sistem panggilan kekeluargaan dalam etnik Melayu dan dialek Melayu Sarawak. Contohnya wujudnya panggilan atau istilah Wa, Ngah, Yaq dan Usu yang merujuk kepada sulung, tengah dan bongsu. Contohnya panggilan kepada datuk atau nenek yang sulung di panggil sebagai *Nek Wa Manay* atau *Redhu.* Namun demikian, untuk panggilan bapa kepada ayah dan emak, etnik Vaie mempunyai panggilan khusus iaitu *Pak Yeng* atau *Jen* untuk datuk lelaki manakala untuk nenek perempuan dipanggil *Mak Yeng* atau *Jeng.*

Untuk panggilan anak kepada datuk lelaki dan perempuan ini pula masih mengikut seperti panggilan anak kepada moyang lelaki dan perempuan serta masih mengekalkan panggilan seperti dalam bahasa Melayu dan dialek Melayu Sarawak iaitu ada istilah Wa, Ngah, Yaq dan Usu. Manakala untuk panggilan ayah, ibu, anak kepada ayah dan ibu, etnik Vaie mempunyai sistem panggilan yang tersendiri. Contohnya sapaan untuk ayah ialah *Tama* dan ibu ialah *Tina.* Begitu juga sapaan untuk abang dan kakak. Etnik Vaie menggunakan istilah *Tega* untuk abang dan kakak dan hanya dibezakan dengan faktor jantina.

Sekiranya lelaki dipanggil sebagai *Tega Manay* manakala untuk perempuan dipanggil sebagai *Tega Redhu.* Begitu juga panggilan untuk adik lelaki dan perempuan. Dalam etnik Vaie abang dipanggil sebagai *Taghey Manay* dan kakak pula dipanggil sebagai *Taghey Redhu*. Untuk sistem panggilan kata ganti diri pertama pula iaitu "saya" digantikan dengana *aqow.* Berdasarkan kepada sistem panggilan atau sapaan kekeluargaan dalam etnik Vaie ini dari aspek rantaian sapaan mereka hampir sama dengan sistem panggilan dalam keluarga Melayu khususnya etnik Melayu Sarawak. Namun demikian, pada aspek istilah panggilan, etnik Vaie mempunyai istilah tersendiri dan tidak terpengaruh dengan bahasa-bahasa peribumi yang lain.

Anggota Tubuh Badan

Jadual 4.10 :Leksikal Anggota Tubuh Badan dalam Bahasa Vaie

Bil	Perkataan	Makna	Kelas Kata
1	la'ep[laʔep]	lengan	KN
2	urong [uroŋ]	hidung	KN
3	vatok [vatoʔ]	leher	KN
4	tebed [təbəd]	rusuk	KN
5	tena'ek [tənaʔeʔ]	perut	KN

Daripada paparan pada jadual di atas berdasarkan perbendaharaan kata untuk tema anggota tubuh badan dalam bahasa Vaie hampir kesemua perkataan yang digunakan dalam bahasa Vaie masih bersifat asli serta tidak wujud bahasa pinjaman daripada bahasa lain. Hanya perkataan *tumed* yang hampir menyamai bunyi perkataan *tumit* dalam bahasa Melayu. Begitu juga bentuk penggunaan ayat dalam bahasa Vaie. Bentuk ayat dalam bahasa Vaie seperti juga bahasa-bahasa peribumi Sarawak lain tidak seperti bahasa Melayu standard iaitu yang berbentuk subjek + predikat (saya makan nasi), sebaliknya bentuk ayat dalam bahasa Vaie berbentuk predikat + subjek

Peralatan Rumah Tangga dan Dapur

Jadual 4.11 : Leksikal Peralatan Rumah Tangga dan Dapur dalam Bahasa Vaie

Bil	Perkataan (BV)	Makna (BM)	Kelas Kata
1	bisén [bisen]	besen	KN
2	bigu [bigu]	mangkuk	KN
3	tegulaw [təgulaw]	bantal	KN
4	kamul [kamul]	selimut	KN
5	surod [surod]	sikat rambut	KN

Daripada data yang diperoleh dalam kajian ini, leksikal dalam peralatan rumah tangga dan dapur dalam bahasa Vaie masih lagi bersifat asli dan kekal menggunakan bahasa Vaie yang asal serta tidak terpengaruh dengan bahasa-bahasa yang lain. Penggunaan perkataan daripada bahasa-bahasa lain juga adalah terbatas. Walaupun wujud beberapa perkataan yang dipengaruhi oleh bahasa-bahasa lain khususnya bahasa Melayu ia hanya melibatkan perkataan-perkataan untuk peralatan rumah tangga yang bersifat moden dan seperti ketuhar, televisyen dan peti sejuk.

Namun demikian, cara sebutan perkataan tersebut masih menggunakan sebutan dalam bahasa Vaie. Manakala daripada aspek kelas kata pula, hampir kesemua perkataan dalam tema ini dikategorikan dalam Kata Nama (KN). Contoh-contoh ayat dalam bahasa Vaie juga masih mengekalkan bentuk ayat yang dituturkan untuk tujuan lisan dalam etnik tersebut yang mengekalkan bentuk Predikat + Subjek seperti ayat yang berikut; *masak now bubor kacang inah may ~ qalak minak pasel.*

Bentuk Muka Bumi

Jadual 4.12 : Leksikal Bentuk Muka Bumi dalam Bahasa Vaie

Bil	Perkataan (BV)	Makna (BM)	Kelas Kata
1	qiban [qiban]	hutan	KN
2	latik [latiʔ]	tebing sungai,	KN
3	langet [laŋət]	langit	KN
4	meted [mətəd]	bukit	KN
5	gunung [gunuŋ]	gunung	KN

Daripada data yang diperoleh melalui kajian ini, data leksikal untuk muka bumi dalam etnik Vaie tidak banyak diperoleh. Terdapat juga perkataan-perkataan dalam tema muka bumi ini yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu dan dialek Melayu Sarawak seperti perkataan gunung dan tanah. Begitu juga dengan perkataan lain seperti pantai dan bukit hanya sebutannya bertukar berdasarkan sebutan etnik Vaie

itu sendiri. Hal ini kerana menurut Rosli Kamarudin (2013) kehidupan etnik Vaie yang lebih dekat dengan sungai dan laut menyebabkan istilah-istilah untuk muka bumi adalah terbatas.

Alam Fauna

Kehidupan etnik Vaie sejak dulu hingga kini amat dekat dengan alam. Kebergantungan mereka terhadap alam seperti etnik-etnik lain di Sarawak juga mempengaruhi leksikal-leksikal mereka. Kesemua leksikal yang berkaitan dengan alam fauna dalam kehidupan mereka merupakan leksikal yang diwarisi sejak turun-temurun serta mempunyai peranan-peranan tertentu. Kebanyakan kos kata alam fauna dalam etnik Vaie merupakan leksikal yang asli dan bukan berasal daripada kata-kata pinjaman sama ada daripada bahasa-bahasa peribumi Sarawak atau bahasa-bahasa asing yang lain khususnya bahasa Melanau. Cara sebutan dan penggunaan ayat juga adalah asli mengikut variasi etnik Vaie itu sendiri serta tidak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa peribumi Sarawak yang lain serta pinjaman daripada bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Arab, Indonesia, Belanda dan sebagainya. Contoh perkataan, dalam bahasa Vaie serta terjemahan bahasa Melayu untuk tema alam fauna adalah seperti rincian yang berikut:

Jadual 4.13 : Leksikal Alam Fauna dalam Bahasa Vaie

Bil	Perkataan (BV)	Makna (BM)	Kelas Kata
1	ateng [atəŋ]	burung merpati	KN
2	asak [asaʔ]	angsa	KN
3	asow [asow]	anjing	KN
4	bangtot [baŋtot]	sejenis ikan laut, ikan puput	KN
5	bedhoq [bədhoq]	kera	KN

Daripada paparan leksikal dalam tema fauna bahasa Vaie di atas bahasa Vaie ini merupakan bahasa yang asli serta perkataan dalam tema

ini juga merupakan bahasa yang diwarisi semenjak dahulu lagi serta tidak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa peribumi lain di Sarawak. Kosa-kata dalam tema fauna dalam bahasa Vaie kebanyakan hadir dalam Kata Nama (KN). Sifat ayat dalam leksikal ini juga adalah berbentuk Subjek + Predikat.

Binaan Rumah

Jadual 4.14 : Leksikal Binaan Rumah dalam Bahasa Vaie

Bil	Perkataan (BV)	Makna (BM)	Kelas Kata
1	qeled [qələd]	dinding	KN
2	juwow [juwow]	tingkap	KN
3	lon [lon]	lantai	KN
4	lamari [lamari]	almari	KN
5	gaghang [gaɤaŋ]	ibu tangga	KN

Daripada data yang diperoleh hanya terdapat beberapa perkataan yang terdapat dalam tema ini dipengaruhi dengan bahasa peribumi Sarawak khususnya dialek Melayu Sarawak terutamanya perkataan yang tidak wujud dalam perkataan bahasa Vaie. Perkataan *lamari* dan *tabir* dalam bahasa Vaie juga terdapat dalam dialek Melayu Sarawak yang merujuk kepada almari dan langsir.

Untuk beberapa perkataan-perkataan lain seperti abak [abaʔ] bahagian rumah yang tidak beratap, balu [balu] lantai kayu, ghiyey [ɤiyey] lantai, lulos [lulos] kayu kasau teban [təban] tinggi ruang antara siling dengan rantai dan paghuk [paɤuʔ] dapur serta beberapa lagi perkataan yang merujuk binaan rumah yang khusus masih mengekalkan penggunaan bahasa Vaie yang asal dan tidak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa lain seperti bahasa Melayu, bahasa Melanau, Iban, Kayan atau Kedayan. Ini membuktikan bahawa tamadun pembinaan rumah dan bangunan memang telah wujud dalam etnik Vaie sejak berabad dahulu.

Perlakuan dan Perasaan

Jadual 4.15 : Leksikal Perlakuan Perasaan dalam Bahasa Vaie

Bil	Perkataan (BV)	Makna (BM)	Kelas Kata
1	abheng [abhəŋ]	suap	KK
2	agoy [agoj]	dusta	KA
3	alik-alik [aliʔ.aliʔ]	bersendirian	KA
4	amon [amon]	amukan	KK
5	mengandet [meŋandət]	menghentak	KK

Daripada data yang diperoleh untuk tema perasaan dan perlakuan, perkataan yang wujud dalam tema ini kebanyakannya dituturkan dalam bahasa Vaie yang bersifat asli dan tidak terpengaruh atau meminjam serta menggantikan dengan leksikal dalam bahasa lain. Yang ada hanyalah beberapa perkataan yang bersifat moden dan menjadi budaya ikutan zaman kini.

Namun demikian, untuk generasi yang berusia 55 tahun ke atas khususnya mereka yang masih mendiami kawasan perkampungan sifat leksikal asli bahasa Vaie masih dipertahankan dalam komunikasi harian mereka. Kelas kata dalam tema ini juga kebanyakannya adalah Kata Kerja (KK) dan Kata Adjektif (KA).

Alam Flora

Jadual 4.16 : Leksikal Alam Flora dalam Bahasa Vaie

Bil	Perkataan (BV)	Makna (BM)	Kelas Kata
1	tengen [təŋə̃n]	pokok	KN
2	uleg [uləg]	rambai	KN
3	jatong balaq [jatoŋ.balaq]	jantung pisang	KN
4	qacang [qacaŋ]	kacang	KN
5	qelayet [qəlayet]	gambir	KN

Alam flora merupakan keadaan yang begitu sinonim dengan budaya etnik Vaie yang kebanyakan mereka masih menetap dalam perkampungan yang jauh dari bandar. Kehidupan mereka yang bergantung kepada sumber alam dan laut menjadikan etnik Vaie terlalu akrab dengan alam termasuklah nama-nama tumbuhan dan haiwan. Berdasarkan hasil kajian ini kata-kata yang digunakan dalam tema ini juga masih menggunakan bahasa Vaie yang asli serta tidak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa lain di sekitarnya. Pengaruh pinjaman bahasa peribumi lain di Sarawak juga adalah terbatas begitu juga dengan bahasa Melayu standard. Manakala untuk kelas kata dalam tema ini pula, kebanyakannya merupakan kategori kelas Kata Nama (KN) sahaja.

4. 8 Analisis Kekerabatan dan Identifikasi Bahasa

Bahagian ini adalah untuk menganalisis status bahasa Vaie sama ada berada dalam subgolongan bahasa Melanau atau bahasa yang tersendiri tanpa berada dalam pengelompokan bahasa-bahasa peribumi lain di Sarawak Untuk menjawab objektif kedua dalam kajian ini iaitu mengidentifikasikan bahasa Vaie sama ada berada dalam subgolongan bahasa Melanau atau bahasa yang tersendiri. Untuk proses identifikasi ini, pengkaji menggunakan kaedah leksikostatistik dan dialektometri. Sebanyak 1000 perkataan diambil berdasarkan kepada senarai Swadesh. Namun demikian, setelah disaringkan hanya 822 perbendaharaan kata yang dapat dibandingkan untuk tujuan identifikasi ini. Selain berpandukan kepada senarai Swedish, pengkaji juga memilih berdasarkan perbendaharaan kata berdasarkan tema seperti yang diperkenalkan oleh Asmah Omar (2006) untuk di buat perbandingan.

Bahasa Melanau Mukah dipilih sebagai perbandingan identifikasi ini kerana bahasa Vaie sering digolongkan serta telah dikelompokkan berada dalam subgolongan bahasa Melanau sebelum ini. Hal ini menjadi polemik yang berterusan sehingga ke hari ini dalam kalangan etnik Vaie di Sarawak. Bahasa Melanau Mukah dipilih sebagai bahasa perbandingan identifikasi kerana bahasa tersebut merupakan bahasa rujukan utama untuk subgolongan dalam kalangan bahasa Melanau yang lain. Selain

itu, menurut para pengkaji bahasa sebelum ini seperti Ray (1973), Clare (1973), Hudson (1977), King (1976), Zaini (1989) dan Asmah Omar (1992) serta hasil daripada Resolusi Seminar Bahasa Melanau pada tahun 2012 bahasa Melanau Mukah merupakan bahasa primer serta dari segi jumlah penuturnya merupakan majoriti dan etnik Melanau Mukah merupakan etnik Melanau terawal yang berada di Sarawak.

Namun Asmah Omar (1983) dan Noriah Mohamed (2012), telah mengelompokkan bahasa Vaie dalam susur galur bahasa Austronesia kerana bahasa ini menurut mereka berasal daripada bahasa induk sama dan berasal dari suatu tempat yang sama iaitu bahasa Austronesia. Dari segi pembahagiannya, rumpun Austronesia dibahagikan kepada empat keluarga iaitu Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polenesia. Rumpun bahasa Austronesia adalah berdasarkan ciri-ciri persamaan di antara satu sama lain. Bahasa-bahasa peribumi di Sarawak dikatakan memasuki satu keluarga yang sama. Dengan maksud yang lain, bahasa-bahasa ini mempunyai pertalian kekeluargaan yang sama. Kaedah pembentukan kata dalam sesebuah bahasa adalah perwujudan kata akar, pengimbuhan, dan penggandaan. Antara contoh kata yang diwujudkan sebagai kata akar ialah /mak/ > /emak/. Kata ini tidak mengambil sebarang imbuhan dan merupakan asas pembentukan kata yang menggunakan imbuhan atau digandakan. Asmah Haji Omar (2008) dalam Zuriani (2014) menyarankan kaedah leksikostatistik untuk menentukan perkaitan dan identifikasi kekeluargaan antara bahasa. Kaedah leksikostatistik merupakan kaedah kuantitatif yang menentukan jarak perkaitan antara bahasa. Ahli-ahli linguistik dan sarjana bahasa menerapkan kaedah ini dengan menghitung peratusan persamaan dan perbezaan dianalisis untuk mengidentifikasikan bahasa.

Peratusan persamaan yang diperoleh daripada perbandingan tersebut dinamakan peratusan kognat, dan digunakan untuk menentukan bahasa yang mana lebih dekat dengan subgolongan bahasa-bahasa tertentu atau adakah bahasa tersebut bahasa tersendiri atau terkeluar daripada subgolongan tertentu. Sebagai contoh bahasa Melayu dan bahasa orang Asli (Duano dan Kanaq) menurut Mohd Sharifudin (2007), mempunyai 49 peratus kognat,

tetapi antara bahasa Melanau dan bahasa Penan menurut R. Rench (2012) mempunyai kira-kira 35% kognat. Ini bermakna perkaitan kekeluargaan antara bahasa Melayu dan bahasa orang Asli (Duano dan Kanaq) adalah lebih dekat daripada perkaitan kekeluargaan antara bahasa Melayu dan bahasa Kayan. Contoh perbandingan leksikostatistik antara bahasa Bahasa Vaie dan bahasa Melanau Mukah dan rekonstruksinya adalah seperti yang berikut:

Bahasa Melayu	**Bahasa Vaie**	**Melanau Mukah**	**Taraf Kognat**
Aku	aqaw	akow	+
Daging	dageng	sei	-
Hutan	qiban	guwun	-
Tidak	a	nda	+
pokok	tengen	kayow	-

Bil. persamaan Perbendaharaan Kata Bahasa Vaie dengan Melanau Mukah : 4/10
Peratus Kognat : 40 %

Bil. Perbezaan Perbendaharaan Kata Bahasa Vaie dengan Melanau Mukah : 6/10
Peratus Jarak Unsur : 60%

Contoh di atas merupakan perbandingan leksikostatistik antara bahasa Vaie dan bahasa Melanau Mukah dalam mengidentifikasikan bahasa. Untuk menentukan sama ada bahasa Vaie ini merupakan sebahagian daripada bahasa Melanau, atau berada dalam kelompok tersendiri, pengkaji juga telah menganalisis aspek linguistik dan leksikal yang digunakan untuk mendapatkan data dalam mengelompokkan bahasa ini berdasarkan temu bual dan pemerhatian di lapangan. Kaedah perbandingan leksikostatistik untuk mencari perbezaan dan persamaan terhadap subgolongan bahasa Melanau ini juga telah dilakukan oleh Kroeger (1980) dan Chou (2002)

ketika membandingkan bahasa Vaie (yang sebelum ini disebut sebagai Bintulu, Melanau Bintulu atau Segaan seperti yang telah dihuraikan dalam pengenalan kepada bahasa Vaie bab II) sama ada berada dalam subgolongan bahasa Melanau atau bersendirian. Hasil daripada kajian kedua-dua pengkaji ini adalah seperti dalam jadual yang berikut:

Bintulu

51	Balingian						
45	68	Mukah					
46	65	76	Dalat	(Kpg. Teh)			
45	62	74	83	Dalat	(Kpg. Kekan)		
44	57	65	73	78	Matu		
40	54	56	63	64	79	Sarikei (Kpg. Jerijeh)	
40	43	49	48	46	48	48	Kanowit

Rajah 4.2 Peratusan persamaan tujuh jenis bahasa Melanau dan Vaie. Menurut data Kroeger (1980), daripada data dari Blust (1974).

Bintulu

50	Balingian											
45	70	Mukah										
43	66	83	Oya									
43	65	78	86	Igan								
40	67	81	85	87	Dalat, Kpg. Medong							
40	65	80	87	87	93	Dalat, Kpg. Sungai Ud						
41	65	81	87	88	95	93	Dalat, Kpg. Dalat					
40	57	68	69	79	71	71	72	Matu				
38	55	61	61	71	66	63	65	79	Sarikei, Kpg. Rajang			
38	49	53	53	57	55	53	52	59	59	Kanowit		
39	54	56	56	61	59	57	56	61	62	82	Tanjong	

Rajah 4.3 Peratus persamaan bahasa Vaie dan sebelas subgolongan bahasa Melanau oleh Chou (2002).

Daripada dapatan kajian yang dilakukan oleh Kroger (1980) dan Chou (2002) di atas dapat di simpulkan bahawa peratus persamaan antara bahasa Vaie dengan bahasa subgolongan bahasa Melanau adalah di bawah 51% dan mempunyai perbezaan sebanyak 49%. Rentetan daripada kajian ini, pengkaji telah membuat perbandingan bahasa Vaie dengan bahasa Melanau Mukah dengan menggunakan kaedah leksikostatistik dan dialektometri dengan membandingkan sebanyak 822 di antara perbendaharaan kata bahasa Vaie dan bahasa Melanau Mukah.

Pengkaji hanya mengambil perkataan Melanau Mukah sahaja atas sebab bahasa ini telah dipersetujui oleh etnik Melanau di Sarawak sebagai bahasa rujukan utama untuk bahasa Me

lanau seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Kaedah leksikostatistik dan dialektometri diaplikasikan untuk pengiraan ini berdasarkan rumus yang dipadankan daripada kajian Patriantoro et al (2012) seperti dalam rajah yang berikut:

Perbezaan		Persamaan
$\frac{S1}{n} \times 100 = d\%$	dan	$\frac{S2}{n} \times 100 = d\%$
= E %		= E%

S1 = jumlah perbezaan dengan titik pengamatan lain
S2 = jumlah persamaan dengan titik pengamatan lain
n = jumlah kata/korpus yang dibandingkan
E = peratus persamaan kata kognat
d = peratus jarak unsur-unsur kebahasaan antara titik pengamatan

Sumber : Patriantoro et al. (2012)

Rajah 4.4 Kaedah Identifikasi Bahasa

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan untuk mengkaji tahap kognat dan sama ada bahasa Vaie berasal daripada bahasa induk yang sama serta tergolong dalam subgolongan bahasa Melanau Mukah, kaedah mendapatkan pengiraan adalah berdasarkan rumus di atas. Hasil daripada analisis yang telah dibuat bersandarkan kepada rumus di atas terhadap bahasa Vaie dan Bahasa Melanau untuk mencari kekerabatan dan identifikasi adalah seperti yang berikut:

Perbezaan

$$n = \frac{S1 \times 100}{} = d\%$$

$$\frac{727 \times 100}{822} = 88.4\%$$

Persamaan

$$n = \frac{S2 \times 100}{} = d\%$$

$$\frac{100 \times 100}{822} = 12.2\%$$

Dapatan daripada analisis kognat tersebut menunjukkan 88.4% perbezaan dan hanya 12.2% persamaan. Melalui perbandingan dan analisis data ini yang menunjukkan 88.4**%** perbezaan dan 12.2% merupakan persamaan antara bahasa Vaie dan bahasa Melanau Mukah. Daripada perbezaan ini berdasarkan rumus S1 dapat dibuat seperti kesimpulan dalam tatatingkat yang berikut:

i.	81% ke atas	:	dianggap perbezaan bahasa
ii.	51% - 80 %	:	dianggap perbezaan dialek
iii.	31% - 50%	:	dianggap perbezaan sub dialek
iv.	21 – 30 %	:	dianggap perbezaan pertuturan
v.	Di bawah 20 %	:	dianggap tiada perbezaan

Jumlah peratusan yang diperoleh daripada pengiraan berdasarkan kaedah leksikostatistik dan dialektometri ini ialah 88.4% dan perbezaan ini terletak dalam peringkat 81% ke atas yang dikategorikan sebagai perbezaan bahasa. Justeru, dapat disimpulkan di sini bahawa antara bahasa Vaie dengan bahasa Melanau Mukah terletak dalam perbezaan

bahasa dan dapatan ini merumuskan bahawa bahasa Vaie bukan berada dalam subgolongan bahasa Melanau. Justeru, data yang diperoleh dalam kajian ini menunjukkan perbezaan yang jelas hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh dua orang pengkaji terdahulu iaitu Kroger (1974) dan Chou (2002) terhadap pengelompokan dan identifikasi kumpulan bahasa Melanau di Sarawak.

Melalui kajian ini jumlah perbezaan antara bahasa-bahasa Melanau Mukah dengan bahasa Vaie yang diperoleh oleh Kroger ialah 55% dan Chou ialah sebanyak 55%. Dapatan kedua-dua pengkaji ini hanya berada dalam lingkungan perbezaan dialek. Antara perbezaan peratusan antara kedua-dua penyelidik dan kajian ini ialah, Kroger dan Chou hanya menggunakan sebanyak 154 perbendaharaan kata untuk dibandingkan antara bahasa Melanau dan bahasa Vaie. Jadual di bawah merupakan perbendaharaan kata yang telah digunakan dalam kajian ini untuk mengidentifikasikan bahasa Vaie.

Jadual 4.18. Analisis Perbendaharaan Kata Vaie dan Bahasa Melanau Mukah

Bil.	English	Bahasa Melayu Baku	Vaie	Fonetik	Melanau Mukah	Fonetik	KGT
1	i	Aku	akow	[akow]	akow	[akow]	+
2	you	Engkau	ikow	[ikow]	kaaw	[kaʔaw]	+
3	he	dia	isa	[isa]	siyen	[siʸən]	-
4	we	kita kami	telow melow	[tə̃low] [mə̃low]	telow melow	[tə̃low] [mə̃low]	+
5	you	Kamu	ikow	[ikow]	kelow	[kə̃low]	-
6	they	Mereka	selow	[sə̃low]	delouyen	[dəlouʸən]	-
7	this	ini	yak	[yaʔ]	itou	[itou]	-
8	that	itu	inan	[inãn]	iyen	[iʸən]	-
9	here	sini	diyak	[diʸak]	gitou	[gitow]	-
10	there	situ sana	dinah direy	[dinãh] [direy]	giyen ginan	[giʸən. ginãn]	-

Jadual 4.16 : Peratus Persamaan dan Perbezaan Bahasa Vaie Melanau Mukah

Bahasa	Peratus Persamaan (kognat) dan Perbezaan Bahasa Vaie					
	Kroeger (1974)		Chou (2012)		Santrol (2015)	
	Persa-maan (+)	Perbe-zaan (-)	Persa-maan (+)	Perbe-zaan (-)	Persa-maan (+)	Perbe-zaan (-)
Mukah	**45%**	**55%**	**45%**	**55%**	**12.2%**	**88.4%**

Daripada data dan analisis berdasarkan pendekatan leksikostatistik dan dialektometri ini, dapat disimpulkan bahawa bahasa Vaie yang dituturkan oleh etnik Vaie di bahagian Bintulu berada dalam tingkat perbezaan bahasa dengan bahasa Melanau Mukah yang menjadi rujukan utama dalam bahasa Melanau di Sarawak. Justeru, melalui proses identifikasi bahasa ini dapat dinyatakan bahawa bahasa Vaie merupakan bahasa yang tersendiri dan tidak berada dalam subgolongan bahasa Melanau. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi dengan huraian unsur-unsur linguistik dan leksikal sebelum ini yang menunjukkan bahasa Vaie ini mempunyai unsur linguistik yang tersendiri.

Justeru, dengan ciri-ciri linguistik yang berbeza dan tersendiri daripada subgolongan bahasa Melanau dan bahasa-bahasa peribumi lain di Sarawak ini juga dapat dirumuskan dan dinyatakan di sini bahawa etnik Vaie adalah etnik yang tersendiri dan bukan tergolong dalam etnik yang di Sarawak. Di samping itu juga, menurut jadual tingkat kekerabatan bahasa daripada Gudschinky (1964), peratusan /persamaan bahasa Vaie ini iaitu hanya 12.2% dengan bahasa Melanau Mukah membuktikan bahawa tingkat kekerabatannya berada dalam tahap mikrofilum iaitu telah terpisah

sejak 50 hingga 75 abad yang lalu. Daripada analisis ciri-ciri linguistik dan data yang diperoleh melalui kaedah leksikostatistik dan identifikasi bahasa Vaie ini dapat dinyatakan di sini bahawa bahasa Vaie merupakan bahasa yang tersendiri dan bukan berada di dalam subgolongan bahasa yang tertentu khususnya bahasa Melanau Mukah. Hasil daripada kajian ini juga, menyokong hasil kajian pengkaji yang lepas seperti Archer (1948), Hudson (1978), Asmah Omar (1983) dan Zaini (1989) yang menyatakan bahawa bahasa Vaie adalah bahasa yang tersendiri dan terpisah daripada subgolongan bahasa Melanau.

Analisis Sikap Terhadap Pemilihan Bahasa Vaie

Analisis sikap terhadap pemilihan bahasa Vaie ini adalah bersandarkan kepada Teori Domain (Mandala) Fishman (1972). Dalam angkubah berdasarkan teori ini beberapa persoalan dijadikan ukuran seperti pemilihan bahasa, isu penguasaan bahasa, dan isu perwarisan bahasa kepada generasi yang baharu. Untuk mendapatkan data bahagian ini, pengkaji telah memilih seramai 350 orang responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, latar belakang pendidikan, pekerjaan, taraf perkahwinan dan penguasaan Bahasa Vaie. Jadual yang berikut menunjukkan bilangan umur responden berdasarkan pengelompokan umur mereka dan status responden. Responden telah dibahagikan kepada empat kumpulan yang utama iaitu peringkat satu, peringkat dua, peringkat tiga dan peringkat empat. Kumpulan peringkat satu merupakan responden berumur antara 6 hingga 19 tahun iaitu berjumlah 90 orang yang terdiri daripada 39 orang lelaki dan 51 orang perempuan.

Kumpulan peringkat dua pula ialah responden yang berumur 20 hingga 39 tahun seramai 100 orang yang terdiri daripada 56 orang lelaki dan 44 orang perempuan. Seterusnya, kumpulan peringkat tiga pula ialah responden yang berumur 40 hingga 69 tahun seramai 90 orang yang terdiri daripada 30 orang lelaki dan 60 orang perempuan. Manakala bagi kumpulan peringkat empat pula ialah responden yang berumur 70 tahun dan ke atas yang berjumlah 70 orang yang terdiri daripada 39 orang lelaki

dan 31 orang perempuan. Jadual di bawah merupakan taburan lengkap ciri-ciri demografi responden untuk kajian ini.

Jadual 4.19: Pengelasan Ciri-Ciri Demografi Responden

BIL	UMUR	KUMP	BIL ORANG	STATUS	JANTINA
1.	6 – 19 Tahun	Peringkat 1	90 orang	Bujang – 90 orang	L – 39 orang P – 51 orang
2.	20 – 39 Tahun	Peringkat 2	100 orang	Bujang – 78 orang Kahwin – 22 orang	L – 56 orang P – 44 orang
3.	40 – 69 Tahun	Peringkat 3	90 orang	Bujang – 10 orang Janda – 4 orang Kahwin – 76 orang	L – 30 orang P – 60 orang
4.	70 Tahun ke atas	Peringkat 4	70 orang	Kahwin – 65 orang Janda – 2 orang Duda – 3 orang	L – 39 orang P – 31 orang

Kajian sikap terhadap pemilihan bahasa adalah berdasarkan kepada lapan mandala yang khusus untuk menilai situasi sesebuah bahasa yang telah dilakukan oleh sarjana bahasa seperti Fishman, Greenfield, Parasher, Natson, Asmah Omar, Norhisham, Mohd Sharifudin, Mazlan Mis dan Zainal Abiddin. Untuk melihat kesan dan pengaruh terhadap hayat sesuatu bahasa, aspek yang ada dalam Model Sasse mengambil kira semua

parameter sosial dalam kesemua mandala.

Untuk mendapatkan data sikap terhadap pemilihan bahasa ini, pengkaji telah memberikan tujuh pilihan bahasa kepada responden iaitu bahasa Vaie (V), bahasa Melanau Mukah (MM), bahasa Punan (P), bahasa Kayan (KN), dialek Melayu Sarawak (DMS) + bBahasa Melayu Standard (BMS), bahasa Iban (IB) dan bahasa Kedayan (BK). Bahasa Vaie merupakan bahasa pertuturan utama etnik Bintulu khususnya dalam kawasan kajian ini. Manakala bahasa Melanau Mukah merupakan bahasa yang mewakili subgolongan bahasa Melanau serta menjadi bahasa rujukan utama dan bahasa primer dalam subgolongan tersebut.

Di samping itu juga, melalui kajian rintis sebelum ini serta berdasarkan populasi penduduk seperti yang diterangkan dalam bab satu yang lepas data penduduk menunjukkan bahawa masyarakat di Bintulu juga dikategorikan sebagai Melanau. Malah untuk status yang tercatat dalam sijil kelahiran mereka diidentifikasikan sebagai kaum Melanau. Manakala bahasa Punan pula dipilih kerana bahasa ini menurut beberapa responden yang ditemu bual sewaktu kajian rintis yang lepas dikatakan mempunyai susur galur yang sama dengan bahasa Vaie. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan leksikal-leksikal kedua-dua bahasa tersebut yang mempunyai beberapa persamaan antara satu sama lain. Bahasa Kayan dimasukkan bersama dalam pemilihan bahasa ini sebagai mewakili bahasa dalam kumpulan Orang Ulu di Sarawak. Bahasa Kayan ini merupakan antara bahasa yang mempunyai penutur yang ramai di Bintulu serta turut dipertuturkan juga oleh sebahagian etnik di sekitarnya.

Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Iban pula dipilih kerana menurut Azlan Mis (2010) dalam kajian beliau yang bertajuk "Pilihan Bahasa dan Lingua Franca Suku Kaum di Sarawak", beliau mendapati kedua-dua bahasa ini merupakan bahasa yang digunakan secara meluas serta di istilahkan oleh beliau sebagai bahasa *lingua franca* di Sarawak dalam dua keadaan iaitu situasi formal dan tidak formal. Bahasa Iban menurut beliau merupakan *lingua franca* dalam situasi tidak formal manakala Dialek Melayu Sarawak yang dipertuturkan oleh etnik di negeri Sarawak

digunakan dalam kedua-dua keadaan iaitu situasi formal dan tidak formal. Bahasa Kedayan pula di pilih dalam kajian ini kerana etnik Kedayan merupakan antara kaum yang amat rapat dengan etnik Vaie khususnya yang berkaitan dengan budaya dan salasilah kekeluargaan terutamanya mereka yang tinggal di sempadan Bahagian Miri dan Bahagian Bintulu seperti di Niah, Suai dan Bakenu.

Kesimpulan

Daripada perbincangan ini yang menyentuh tentang ciri-ciri linguistik dan sikap pemilihan bahasa dapat dinyatakan bahawa, bahasa Vaie berada dalam situasi yang mencabar dengan pelbagai situasi yang berlaku di luar dan dalam lingkungan bahasa tersebut. Walaupun bahasa ini masih dipertuturkan secara meluas dalam kalangan penuturnya di bahagian Bintulu, namun disebabkan bahasa ini hanyalah sebagai bahasa lisan dan bukan bahasa tulisan. Justeru, bahasa ini perlu dilestarikan dan dilakukan perancangan yang melibatkan aspek penyebaran dan pelestarian pada masa-masa akan

Walaupun kedudukan bahasa ini berada dalam tatatingkat keenam iaitu selamat dan terus digunakan oleh semua peringkat umur serta penuturnya masih menyanjung dan yakin terhadap upaya bahasa mereka dalam komunikasi. Halangan-halangan seperti migrasi etnik Vaie ini serta persaingannya dengan bahasa-bahasa peribumi lain di Sarawak khususnya dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban, Kedayan dan Melanau Mukah harus diberi tumpuan agar bahasa ini akan terus bertahan pada masa-masa akan datang.

Justeru, dapat disimpulkan juga walaupun etnik Vaie masih mempertahankan bahasa ini dalam pertuturan harian mereka tetapi dalam situasi tertentu khususnya dalam keperluan perkhidmatan, pendidikan, keagamaan dan jual beli, bahasa Melayu dan dialek Melayu Sarawak mempunyai peratus penggunaan yang tinggi dalam kalangan mereka. Walaupun dalam mandala dalaman seperti kekeluargaan, kejiranan, kemasyarakatan dan kendiri bahasa Vaie digunakan, namun angka

penggunaannya tidak mencapai 65%. Sikap penggunaan bahasa dalam kalangan etnik Vaie dapat dirumuskan seperti butiran-butiran yang berikut :

I. Majoriti etnik Vaie masih menguasai bahasa Vaie dalam komunikasi harian mereka. Walau bagaimanapun, terdapat perubahan-perubahan tertentu dalam bahasa Vaie yang dipertuturkan oleh generasi muda terutamanya dari aspek peminjaman istilah, perbendaharaan kata dan sebutan.
II. Etnik Vaie mempunyai sikap dan nilai yang positif untuk mempertahankan bahasa mereka khususnya peranan ibu dan bapa yang sentiasa bertutur menggunakan bahasa ini dalam komunikasi harian mereka sama ada di rumah atau di luar kepada generasi yang seterusnya.
III. Etnik Vaie mempunyai jati diri yang tinggi dalam mempertahankan bahasa ibunda mereka dan mempunyai nilai diri yang positif terhadap bahasa mereka seterusnya meyakini bahawa bahasa Vaie akan mampu bertahan selagi bahasa itu dipertuturkan dan digunakan pada masa-masa akan datang.
IV. Etnik Vaie juga optimis dengan menyatakan bahawa bahasa Vaie akan kukuh bertahan sekiranya dibantu oleh pihak yang bertanggungjawab dengan melaksanakan pelbagai program dan kegiatan untuk tujuan penyebaran, pengekodan dan pelestarian bahasa ini.

Melalui kajian dan temu bual oleh pengkaji sepanjang melaksanakan kajian ini, mandala kekeluargaan dan mandala kendiri berperanan penting dalam memastikan kelestarian bahasa ini pada masa akan datang. Peranan keluarga dan etnik setempat khususnya yang hidup dalam lingkungan dan budaya Vaie merupakan penyumbang utama kepada ketahanan bahasa Vaie di peringkat generasi seterusnya.

Nilai kendiri yang positif serta semangat jati diri yang kukuh adalah faktor dalaman yang penting untuk memperkembangkan bahasa ini sebagai sebuah bahasa yang kukuh pada masa akan datang. Namun demikian, seperti yang dinyatakan tadi pengkaji mendapati bahawa data dalam mandala lingkaran dalam dan luar membuktikan bahawa wujud situasi yang membimbangkan kepada pelestarian bahasa ini seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 5.1 :Peratusan Perbezaan Pemilihan Bahasa Vaie dan Dialek Melayu Sarawak

Bil.	Mandala	Bahasa Vaie (BV)	Dialek Melayu Sarawak (DMS)	Jumlah Perbandingan
1	Mandala Kekeluargaan	**64.4%**	21.4%	43% (BV)
2.	Mandala Kejiranan	**53%**	32.5%	20.5% (BV)
3.	Mandala Kemasyarakatan	**58.2%**	30%	28.2% (BV)
4.	Mandala Kendiri	**52%**	39.3%	12.2% (BV)
5.	Mandala Keagamaan	29.2%	**65.4%**	36.2% (DMS)



Rajah 5.1 Peratus Perbezaan Permilihan Bahasa Vaie dan Dialek Melayu Sarawak

Berdasarkan kepada peratusan jadual di atas kedudukan penggunaan bahasa Vaie dan bahasa Dialek Melayu Sarawak dalam lapan mandala walaupun seimbang namun himpitan dari bahasa-bahasa lain terutamanya dialek Melayu Sarawak terhadap bahasa Vaie ini amat merisaukan malah peratusan penggunaan dialek Melayu Sarawak dalam mandala perkhidmatan adalah yang paling tinggi iaitu berjumlah 84.2%.

Peratusan penggunaan bahasa Vaie hanya tinggi dalam mandala kekeluargaan, kejiranan, kemasyarakatan dan kendiri. Namun demikian, peratus penggunaan bahasa Vaie dalam keempat-empat mandala ini tidak melebihi 65%. Ini menuntut kepada perancangan yang lebih teliti dalam kesemua situasi yang harus dilakukan agar bahasa Vaie ini akan terus bertahan dan dilestarikan pada masa akan datang. Oleh hasil penyelidikan Kroger (1974) dan Chou (2002) terhadap pengelompokan dan identifikasi kumpulan bahasa Melanau di Sarawak.

Jumlah perbezaan antara bahasa-bahasa Melanau Mukah dengan bahasa Vaie yang diperoleh oleh Kroger ialah 55% dan Chou ialah sebanyak 55%. Dapatan kedua-dua pengkaji ini juga masih menunjukkan bahawa antara bahasa Vaie dan Melanau berada dalam lingkungan perbezaan dialek. Di samping itu juga, peratusan ini membuktikan bahawa bahasa Vaie tergolong dalam tingkat bahasa keluarga kerana peratus kata kerabat ini berada dalam lingkungan 36% hingga 80%, sekali gus membuktikan bahawa kedua-dua bahasa ini telah terpisah antara 5 hingga 25 abad yang lalu. Ini bertentangan dengan data yang diperoleh dalam kajian ini iaitu mempunyai perbezaan sebanyak 88.4%. Dapatan daripada penyelidikan ini juga menyokong hasil kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini seperti Archer (1949), Blust (1974), Clayre (1974), Hudson (1978), Asmah Omar (1983) dan Zaini (1989) yang menyatakan bahawa bahasa Vaie terkeluar daripada kelompok subgolongan bahasa Melanau dan merupakan bahasa yang tersendiri. Untuk memelihara dan mempertahankan sesuatu bahasa minoriti, usaha penyelidikan, pendokumentasian dan penyebaran harus dilakukan segera supaya generasi akan datang terus memanfaatkan kajian tersebut. Sekiranya hal

ini tidak dilakukan segera bahasa Vaie ini akan terus berada dalam dilema dan akhirnya akan mengundang kepada ancaman kepupusan pada masa akan datang. Hakikatnya, ungkapan bahasa menunjukkan bangsa hanya terpakai selagi bahasa berperanan sebagai medium perhubungan yang mutlak dalam kalangan penuturnya.

Mohd Sharifuddin Yusop (2007), menyatakan bahawa proses keusangan dan kepupusan bahasa harus ditangani dengan segera supaya etnik dalam sesebuah penutur bahasa itu akan turut berasa perlunya bahasa mereka dilestarikan dan dikekalkan untuk generasi akan datang. Bahasa Vaie yang menjadi elemen utama dalam kajian ini harus dipertahankan dan dilestarikan pada masa akan datang kerana bahasa ini berperanan sebagai lambing jati diri bangsa dan etnik Vaie yang tinggal di Bahagian Bintulu. Hilang bahasa maka hilanglah identiti bangsanya kerana bahasa adalah jiwa kepada sesebuah bangsa.

BIBLIOGRAFI

Abdul Jalil bin P. Kamadin. (1996). *Morfologi dan Semantik Dialek Paroi (Negeri Sembilan Darul Khusus).* Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia. Abdullah Hassan. (1989). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abercrombie, David. (1967). *Elements of General Phonetics Edinburgh*, Scotland: Edinburgh University Press.

Ahmad Mahdzan Ayob. (1991). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Satu Pengenalan.* Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mahdzan Ayob. (2007). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mahmood Musanif. (2001). *Ayat: Analisis Makna dengan Kebenaran dalam Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu,* Bil. 5, 19-29.

Aitchson, Jean. (1998). *Language Change: Progress or Decay?* (2nd ed.). Cambridge:Cambridge University Press.

Ajid Che Kob, (1982). Beberapa Masalah dalam Kajian Dialek Geografi: Satu Tinjauan Berdasarkan Kajian Luar di Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 1982, April. hlm. 226-232.

Aris Othman. (1983). *The Dynamics of Malay Identity,* "Monograf No. 7 Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan".Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asmah Haji Omar. (2004b). Northern Sarawak languages. In *The encyclopedia of Malaysia Volume 9* (pp. 36-37). Kuala Lumpur: Archipelago Press.

Asmah Haji Omar. (2004c). Languages of Sarawak. In *The encyclopedia of Malaysia Volume 9* (pp. 30-31). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
Asmah Haji Omar. (2004d). Bidayuh, Melanau and Kajang sub-families. In. *The encyclopedia of Malaysia Volume 9* (pp. 34-35). Kuala Lumpur: Archipelago Press.

Asmah Haji Omar. (2006). Bahasa Mah Meri. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya

Asmah Haji Omar. (2007). Teori linguistik dan aplikasinya dalam memartabatkan kajiandialek Melayu. *Kertas Kerja Seminar Dialektologi Melayu (SEDIA).* UniversitiKebangsaan Malaysia, Bangi 27 Disember 2007.

Bahasa Melayu dalam Pembinaan Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa; Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-V,Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden, UPM, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Kuala Lumpur: 2009

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. (2010). Taburan *Penduduk dan Ciri-ciri AsasDemografi* . Jabatan Perangkaan Malaysia.

Becarri. (1886). *Wanderings In The Great Forest Of Borneo.* London: Constable and Co.

Berg. B.L. (2004). *Qualitative Research Methods for the Social Science (ed. Ke-5)*. Boston: Pearson Education.

Bernard Sellato. (1994). *Nomads of the Borneo Rainforest*. Hawai: University of Hawai Press.

Bernard, H.R. (2000). *Social Research Method: Quantitative Approaches*. Thousands Oaks, CA: Sage.

Cense, A. A. & E. M. Uhlenbeck. (1958). *Critical Survey of Studies on the Language of Borneo.* s-Gravenhage: M. Nijhoff.

Chaer, Abdul.(2003). *Linguistik Umum*. Jakarta:Rineka Cipta.

Chalmers, W. (1861). *A Vocabulary of English, Malay and Sarawak Dayak.* Canterbury: St. Augustine's College Press.

Chambers J.K., Peter Trudgill.(1990). *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chambers, J.K. & Peter Trudgill. (Penterjemah Anuar Ayub). (1990). Dialektologi.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chong Shin. (2009). Dialek-dialek Melayu di Lembah Baram. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2): 59-71.

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn. Bhd.

Claire Kramsch. (1998). *Language an Culture*. Oxford: Oxford University Press.

Collin, James T. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Collin, James T. (1986). Dunia Melayu dan Dialek Melayu: Wilayah Laut Cina Barat Daya, dalam *Dewan Bahasa,* 30: 895-907.

Collins, James T. (1990). *Bibliografi Dialek Melayu di Pulau Borneo.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cooper, R.L dan Fishman, J.A. (1977). *"The Study of Language Attitudes".* Mouton: The Hague.

Cooper, Robert L. & Fishman, Joshua A. (1967). *The Study of Language Attitudes*. Dalam L. Paler & B. Spolsky (eds.). Paper on Language Testing. (hal. 5-19). Washington: TESOL, in Press.

Crano, William. (1986). *Principals and Method of Social Research*. Boston: Allyn and Bacon.

Crystal, David. (1987). *The Cambridge Encyclopedia of Language*. Cambridge, England: Cambridge University.

David Crystal. (2000). *Language Death*. United Kingdom: Cambridge University Press.

David Crystal. (2002). Mengapakah Bahasa Mati. Diterjemah oleh Azizah Md. Hussin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *Jurnal Bahasa*. Jilid 2. Bil. 3, Sept 2002. hlm 309-333.

David Cyrstal.(2008). *A Dictionary Of Linguistics and Phonetics*. Itali: Martview. com E-Book & Magz.

Deirdre Martin. (2003). Languages Change in Young Panjabi / Inggeris Children: Implicationfor Bilingual Language Assessment, *Child Language Teaching and Theraphy.* 19(3):245-265.

Denzin, N.K. & Lincoln Y.S. ed. (2003). *Collecting and Interpreting Qualitative Materials, Second Edition*. Thousand Oaks: Sage.

Denzin, N.K. Lincoln. (1994). *Introduction: Entering the Field of Qualitative Research*. Thousands Oaks: Saga Publications.

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. (1995). *Dialek Memperkaya Bahasa*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dressler, Wolfgang. (1988). Language Death, Linguistics: *The Cambridge Survey, IV. Language: The Sociocultural Context*, F. New Mayer (ed), hlm. 184-192. New York: Cambridge University Press.

Duranti Alessandro. (1997). *Linguistik Anthropology*. Australia: Cambridge University Press.

Evans, A.B,(2003). *Swadesh List Vocabulary list used in Glottochronology, africanhistory.about.com/od/Linguistic-Evidence/a/Swadesh-List*.htm

Everett, H.H. dan J. Hewitt. (1909). A History of Santubong, an Island Off The Coast of Sarawak. *JMBRAS* 52: 1-30.

F.R.Palmer. (1992). *Semantik*. Terjemahan Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: dewan Bahasa dan Pustaka.

Farid M. Onn & Ajid Che Kob (eds). (1993). *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Farid M. Onn & Ajid Che Kob (eds). (1993). *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Faridah Nazir & Maridah Haji Alias. (2013). *Fonetik dan Fonologi*. Selangor:

Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.

Fasold, Ralph. (1984). *The Siciolinguistics of Society*. Oxford: Basil Blackwell.

Ferdinand de Saussure (2001) Course In General Linguistics. New York : Columbia University Press.

Fishman, J.A. & Greenfield. (1970). Situational Measures of Normative Language Views in Relation to Person, Place and Topic Among Puerto Rican Bilinguals. *Antrhopes 65*, hlm. 602-618.

Fishman, J.A. (1972). Domains and the Relationship Between Micro and Macro Sociolinguistic. Dlm. Gumperz, J.J. and Hymes. 1972, *Directions in Siciolinguistic, the Ethnography of Communication*, New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc, hlm. 435-454.

Fishman, J.A. (1991). *Sosiologi bahasa.* (terj.). Alias Mohammad Yatim. Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Fishman, Joshua A. (1971). "The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society". Dalam. Fishman, Joshua A. (pnyt). *Advances in Sociology of Language*, hlm. 217-404. Paris: The Hague.

Fishman, Joshua A. (1986). Domains and "The Relationship Between Micro and Macro Sociolinguistics". Dalam. Gumperz, J.J. dan Dell Hymes, (pnyt). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*, hlm. 435-453. New York: Basil Backwell.

Fishman, Joshua A. (1990). What Is Reversing Language Shift (RLS) and How Can It Succeed. New York: Yeshiva University. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*. Jilid 11. Bil. 1 & 2. hlm. 5-35.

Folley, William A. (1997). *Anthropological Linguistics An Introductions*. Oxford: Blackwell Pulished.

Golembeski, D.J. (1999). *French Language Maintenance in Ontario, Canada*: Sociolinguistics Potrait of the Community of Hearts. Tesis Phd. Indiana University.

Gorys Keraf. (1984). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.

Grimes, Barbara F. Ed. (2000). *Ethnologue Languages Of The World*. Dallas: Summer Institute Of Linguistics, Inc.

Grimes, Barbara. (2002a). *Global Language Viability*. Jakarta: Kanisius.

Grimes, Barbara. (2002b). "Kecenderungan Bahasa untuk Hidup atau Mati secara Global (Global Language Viability): Sebab, Grjala, dan Pemulihan untuk Bahasa-Bahasa yang penuh". Dalam. Bambang Kaswanti Purwo (Ed.). *PELBBA 15*: hlm. 1-40, Jakarta: Kanisius.

Grosjean, F. (1982). *Life with two languages. An introduction to bilingualism*. Harvard:United States of America.

Gumperz, Giglioli ed. (1972). *The Speech Community*. London: Pinguin Books.

Gumperz. (1986). Domains and "The Relationship etween Micro and Macro Sociolingistics". Dalam. J.J. dan Dell Hymes, (pnyt). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*, hlm. 435-453. New York: Basil Backwell.

Haji Jambol. (2001). Bahasa Melayu Brunei: Sebagai linguafranca dan sumbangannya. Dlm. *Bahasa Jiwa Bangsa Jilid 3* (hlm. 1-13). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Harimurti Kridalaksana. (1982). *Kamus Linguistik.* Jakarta: Universiti Indonesia.

Harrison, T. (1970). *The Malays of South-West Sarawak Before Malaysia: A Sosio-ecological Survey.* London: Macmillan.

Harrisson, T. (1954). The First Ethnologist and Explorer of Interior Sarawak. *Sarawak Museum Jurnal*. (New Series) 3, hlm. 463-494.

Hartman R.R.K. & Stork F.C. (1972). *A Dictionary of Linguistics.* London: Applied Science Publishers F.C. Ltd.

Holmes, J. (2001). *An Introduction to Sociolinguistics* (2nd ed.). Malaysia:

Longman.

Hudsons R. (1996). *Sociolinguistics,* (2nd ed.). New York, NY: Cambridge University Press.

Hurford, James & Heasley, Brenda. (1990). *Semantic: A Coursebook.* New York: Cambridge University Press.

Hymes, Dell dan Gumperz, John. (eds.). (1972). *Direction in Sociolinguistics*. New York: Holt, Rinehart, and Winston.

Hymes, Dell. (1971). *Sociolinguistic and the Ethnography of Speaking*. London: Tavis stock.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (1981). *Siaran Perangkaan Tahunan Sarawak.* Kuching: Jabatan Perangkaan Malaysia.

John Lyons. (1993). *Pengenalan Linguistik Teoretis*. Terjemahan Abdullah Hassan, Rugayah Razak dan Wan Zaleha Mohd Noordin. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

John Lyons. (1994). Bahasa dan Linguistik Suatu Pengenalan. *Terjemahan Ramli Salleh, Toh Kim Hoi. Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kimberley, D. G. M. (2001). *Approaching Language Change in Anihshininiimowin*. Tesis Master. University of Manitoba, Canada.

Labov, W. (1964). Stages in The Acquisition of Standard English. dlm. R. Shuy, A. Davis & R. Hogan (Peny.). *Social Dialects and Language Learning.* Champaign OH: National Council of Teachers of English. m.s. 77-104.

Laporan Tahunan (2014). Lembaga Kemajuan Bintulu. Bintulu. Sarawak.

Lee Su Kim, Lee King Siong, Wong Fook Fei & Azizah Ya'akob. (2010). The Englishlanguage and its impact on identities of multilingual Malaysian undergraduates.*Gema Online Journal of Language Studies*, *10*(1), 87-101.

Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke V; Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Lutfi Abas. (1995). *Kritikan Sastera Melayu Sebagai Karya Seni.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Madzhi Johari. (1972). *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak).* Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Madzhi Johari. (1988). *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Madzhi Johari. (1989). *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)* Kuala Lumpur: DewanBahasa dan Pustaka.

Mana Sikana, Paitoon M. Chaiyanara, Zubaidi Abas.(2003). *Teori Pemikiran TamadunMelayu*. Wilayah Selatan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Melayu. (2005) Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu. Jilid 4. Bil. 2.Muhammad Haji Awang.

Mohammed Azlan Mis. (2010). Medium Perantara Pelbagai Suku kaum di Sarawak : KajianLingua Franca. *Gema Online Jurnal of Language Studies.* 12(3):903-922.

Mohammed Azlan Mis. (2012). Medium Perantara Pelbagai Suku Kaum di Sarawak: Kajian Lingua Franca. *Journal of Language Studies*. September, 12(3), 903-922.

Mohd Sharifuddin Yusop (2007). Keusangan Bahasa Orang Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor. Tesis Phd. UKM. Bangi

Mohd. Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano & Kanaq*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mondy, B.R. Wayne.(1998). *Paperback, Student Edition of Textboook*. Human ResourceManagement.

Morris. E. (1998). Language choice in a Malaysian car-assembly plant. *InternationalJournal of the Sociology of Language*, *130*(1), 89-105.

Mustafa Hj. Daud. (1996). *Bahasa Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasadan Pustaka.

Nerbonne, John & Kretzschmar, William. (2003). *Introducing Computational Techniques in Dialectometry*. Dalam Computers and the Humanities. (hlm. 245-255). Netherlands: Kluwer Academic Punlishers.

Neuman, W. Lawrence. (2011). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches (Seventh Edition)*. Boston: Pearson Education, Inc.

Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noor Aina Dani, Saadah Binti Hj. Jaafar, Zuraini Bte Seruji, Reduan bin Abang Amir.(2011) Asimilasi Bermacam Jenis Kata Melayu Pemilikan Etnik Dusun Di Sabah:*Jurnal Melayu* Jilid 8.66-90.

Noor Aina Dani. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu.* Serdang, Selangor: IDEAL, Universiti Putra Malaysia.

Norsimah Mat Awal. (2001). *Pendekatan Semantik Kognitif dalam Menterjemah Kata Adjektif*. Dalam Manjit Kaur, Mohd. Sallehhudin Abd. Aziz, Shanthini Pillai & Shahizah Ismail Hamdan. (ed.). Towards New Paradigms in Language Studies. (hal. 45-61). Bangi: Fakulti Pengajian Bahasa.

Othman Talib. (Penterjemah Ainul Azmin). (2014). *Research and Thesis: If Only I Had Known*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Resources.

Othman Mat (2014). Bahasa dan Budaya Etnik Vaie, Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Kebudayaan Vaie. Anjuran Badan Sejarah dan Kebudayaan Anak Vaie. Bintulu.

Paul R. Kroeger (1998). Language Classification in Sarawak: A Status Report. Sarawak Museum Journal. Vol LIII : 95-108. Kuching

Peccei, J.S. (2001). *Pragmatics.* London: Routledge, Taylor & Francis Group.

Peter Martin. (1992). "Shifts in Language Allegiance In Borneo: the Belait Community Of Brunei Darussalam". *Borneo Research Bulletin*, Vol 24:

16-22.

Peter Trudgill. (Penterjemah Nik Safiah Karim). (1984). *Sosiolinguistik: Satu Penngenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pinker (1979). Language Learnability and Language Development, Cambridge : Harvard University Press.

Pringle, R. M. (1970). The Sea Dayaks of Borneo before White Rajah Rule. *Journal of Southeast Asian Studies*, *1*, 112-115.

Radcliffe, Brown. (Penterjemah Ab. Razak Yahya). (1980). *Struktur dan Fungsi dalam Etnik Primitif.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raja Masittah Raja Ariffin. (2013). *Bahasa & Budaya Etnik Melayu di Pulau Kokos, Australia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Rajend Mesthrie, Joan Swann, Andrea Deumet. 2000. Edinburgh. Edinburgh University Press.

Ranjit Kumar. (2005). Research *Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners (Second Edition)*. Australia: Pearson Education Australia.

Ray, S. H. (1913). The Languages of Borneo. *Sarawak Museum Journal.* 1(4), 1-196.

Rensch, Calvin R. (2012). *Melanau and The Languages of Central Sarawak*. Sil International.

Robert Lado. (1980). *Mengajar Bahasa Suatu Pendekatan Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosli Kamarudin (2014). Bahasa dan Budaya Etnik Vaie, Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Kebudayaan Vaie. Anjuran Badan Sejarah dan Kebudayaan Anak Vaie. Bintulu.

Sarawak Museum journal. July.(1955). Kuching, Sarawak: Sarawak Goverment Printing Office.

Saville-Troike, M. (1991). *Etnografi komunikasi satu pengenalan*. (terj.). Ajid Che Kob.Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Schiltz, Guillaume. (1996). *German Dialectometry*. Dalam H.H. Bock et al. (eds.). Data Analysis and Information Systems. Verlag Berlin: Universitat Freiburg.

Schiltz, Guillaume. (1997). *Current Trends in Dialectometry: The Handling of Synonym Feature Realizations*. Dalam R. Klar et al. (eds.). Classification and Knowledgem Organization. Austria: Universitat Salzburg.

Sendi Nama dalam Bahasa Melayu; Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, JabatanBahasa: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Sharan B. Meriam. 2002. Qualitative Research in Practice. San Fransisco. Jossey-Bass A Willy Company.

Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. (2014). Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur Aduk. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *Jurnal Bahasa*. Jilid 14. Bil. 1, Jun 2014. hlm. 134-158.

Sumalee Nimmanupap. (1994). *Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai Suatu Analisis Sosiolinguistik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teo Kok Seong. (2013). Bahasa Melayu Bahasa Perpaduan dan Jati Diri, dalam *Pelita Bahasa,* 40-45.

Trudgill, P. (2000). *Sociolinguistics. An introduction to language and society*. England:Penguin Books. Gajah Mada University Press

Verhaar. (1984) Penghantar Linguistik. Yogyakarta: Gad.

Vernon Mullen. (1967). *The Story of Sarawak (Second Edition)*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Wardhaugh, R. (1998). *An Introduction To Sociolinguistics.* (3rd ed.). Massachusetts:Blackwell Publishers Ltd.

Weber, G.(1991). Beberapa Catatan tentang Kemerosotan dan Kejatuhan Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 35(4), 296-310, April.

Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. UKM: PTS Profesional.

Zaharani Ahmad.(2006). Kepelbagaian Dialek Dalam Bahasa Melayu. Satu Analisis Tatatingkat Kekangan. *Jurnal e-bangi*, 1(1):1-26.

Zainal Abidin Masleh (2011*). Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak,* Tesis Doktor Falsafah. UPM. Serdang

Zuryani Zainal Abidin. (1998). *Penggunaan Bahasa Melayu Baku di Kalangan Orang Kelantan.* Tesis Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia, Selangor Darul Ehsan.